



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI

TAHUN 27 BILANGAN 3

RABU 20HB JANUARI, 1982.

1402 ربيع الاول 1402

PERCHUMA



AWANG Haji Muslim, pemenang hadiah kedua, menerima hadiah yang disampaikan oleh Y.A.B. Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz.

Penggunaan sistem ejaan baru:

KEMUNGKINAN AKAN DI-LUASKAN DI-BRUNEI

Oleh: Jaafar Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz menegaskan, bahawa Kerajaan kini sedang meneliti kemungkinan untuk meluaskan penggunaan sistem ejaan baru di-negeri ini.

Langkah yang di-amal oleh kerajaan itu, menurut Yang Amat Berhormat, ada-lah pada menyelaraskan hasil2 penulisan tempatan dengan tulisan2 yang di-datangkan dari luar negeri.

Mengatakan demikian ketika berucap sa-jurus sa-belum menyampaikan hadiah2 kepada pemenang peraduan menulis novel

Sempena Tahun Hijrah

1400 yang telah di-langsungkan di-Dewan Pusat Belia di-sini pada malam Sabtu lepas, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar berkata bahawa penggunaan sistem ejaan baru di-negeri ini buat masa sekarang adalah di-hadkan kepada sekolah2 sahaja.

lah sa-makin tinggi mutunya walau pun maseh banyak ruangan kosong untuk di-isikan dengan standard yang di-tinggikan.

"Saya seterusnya berpendapat hasil penulisan tanah ayer akan dapat diperbanyakkan dan kualitinya akan dapat di-pertingkatkan sekira-nya orang2 yang mempunyai kelulusan yang tinggi dan berkelibar di-Negeri Brunei ini akan munchol ka-hadapan bagi menghasilkan tulisan2 mereka dalam berbagai-bagai bidang," ujar Yang Amat Berhormat.

HASIL TULISAN

"Saya perchaya perkembangan seperti ini akan dapat lagi membantu penulis2 tempatan meluaskan dan mempertingkatkan hasil2 tulisan mereka," katanya.

Kerajaan, menurut Yang Amat Berhormat itu lagi, juga sedang meneliti kemungkinan untuk menjadikan Perkhidmatan Perpustakaan DBP sa-bagai Khutub Khanah Kebangsaan atau "National Library".

Ini, kata Yang Amat Berhormat memandangkan ada-nya perhatian yang tidak putus2 kerajaan dalam memberi galakan kepada penulis2 tempatan untuk munchol ka-hadapan yang termasuk memberi kemudahan2 untuk membacah dan mendapatkan bahan2 berkenaan dengan mudah.

MAKIN TINGGI

Menyentuh mengenai hasil2 dan karya2 tanah ayer, Yang Amat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya berpendapat bahawa tulisan2 tempatan dalam berbagai-bagai bentuk dan chorak yang terdapat pada waktu ini ada-

bakat-bakat penulis yang bukan sahaja semata-mata untuk kepentingan seni sastera, kepentingan intelektualisme, dan untuk menggambarkan daya berfikir, tetapi juga untuk mengadakan komunikasi yang bermakna antara masyarakat penulis dengan pembaca-nya," ujar-nya.

Kata-nya, melalui peraduan yang banyak dianjurkan oleh DBP, beberapa nama penulis2 tanah ayer yang berpotensi dan berkelibar telah lahir, men-

Lihat muka 20

DBP akan berusaha menerbitkan karya sastera tanah ayer

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dewan Bahasa dan Pustaka memberi jaminan akan sentiasa memberikan perhatian yang berat dan bersungguh-sungguh untuk menerbitkan karya2 sastera tanah ayer.

Dewan Bahasa dan Pustaka merasa yakin bahawa perhatian pada menggalakkan perkembangan sastera tanah ayer itu ada-lah satu prioriti yang tidak mudah gagal.

UKORAN SASTERA

Menjelaskan demikian ketika berucap di-majlis penyampaian hadiah peraduan menulis novel sempena Tahun Hijrah 1400 yang telah di-langsungkan di-Dewan Pusat Belia di-sini pada malam Sabtu lepas, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka berkata, meski pun tugas DBP bukan satakat menentukan ukoran atau standard sastera, malah yang penting ia-lah untuk terus membantu perkembangan sastera Melayu Brunei itu sendiri.

Menurut-nya, sumbangan DBP dalam lapangan sastera tanah ayer hingga ka-saat ini, ada-lah chukop jelas dan bermakna yang mana DBP sejak awal2 lagi telah berusaha menimbulkan minat masyarakat

penulis untuk terus berusaha dalam penciptaan karya2 sastera yang bermutu dan bernilai tinggi.

CHUKOP BERKESAN

Langkah yang ternyata chukop berkesan dalam hal perkembangan sastera ini, jelas Pengiran Badaruddin, ia-lah dengan mengadakan berbagai-bagai peraduan mengarang baik untuk pembacaan perengkat dewasa mahu pun untuk kanak-kanak.

"Kerana itu lahir-lah karya-karya sastera dari

Minyak dan gas maseh lagi menjadi eksport utama

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei telah mencatatkan kelebihan im-bangan perdagangan luar berjumlah \$5,619 juta dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun 1981 berbanding dengan \$6,442 juta dalam tempoh yang sama pada tahun 1980.

Menurut perangkaan yang di-keluarkan oleh Yunit Peranchang Ekonomi Jabatan Setia Usaha Kerajaan, jumlah eksport ada-lah sa-banyak \$6,559 juta sementara jumlah import ada-lah berjumlah

\$940 juta berbanding dengan \$8,183 juta dan \$870 juta bagi masa yang sama pada tahun lalu.

Minyak mentah dan gas chechair maseh lagi menjadi eksport utama bagi negeri ini. Jumlah eksport bagi kedua bahan tersebut masing2 berjumlah \$3,662 juta dan \$2,566 juta. Dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun 1980 jumlah eksport kedua2 bahan tersebut ia-lah ma-

Lihat muka 20

Pmk. M.B.
hadapi
susunan
lawatan
yang sebok
di-K.L.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dalam lawatan 10 hari ka-Ibu Negeri Malaysia, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz mempunyai susunan lawatan yang sebok dengan mengadakan beberapa kunjongan dan perbinchangan2 dengan pembesar2 negara itu.

Pada hari Isnin, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar telah mengunjongi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato Seri Dr. Mahathir Mohammad di-Wisma Putera dan sa-jurus sa-lepas itu menerima taklimat mengenai perkembangan2 sa-rantau oleh pegawai2 di-Pejabat Perdana Menteri.

Y.A.B. Pemangku Menteri Besar juga di-jadualkan mengadap ka-hadapan Majlis Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Ba-

Lihat muka 20

Sambutan Maulud

PGGMB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) akan mengadakan sambutan maulud Nabi Muhammad s.a.w. bertempat di-dewan persekutuan tersebut di-sini pada hari Ahad 24hb. Januari depan bermula jam 7.00 malam.

Antara acara yang akan di-adakan pada malam itu termasuklah persembahan bacaan ayat suci Al-Kor'an dan nashid yang di-sampaikan oleh ahli2 persekutuan berkenaan.

Oleh yang demikian setiausaha persekutuan itu meminta semua ahli2 persekutuan supaya akan dapat hadir pada malam itu.

Manis-nya Iman

"KAMU akan dapat di-antara manusia itu ada yang bermuka dua; dia datang kepada sa-bahagian mereka dengan satu muka dan kepada sa-bahagian mereka lagi dengan satu muka yang lain." — HADITH Nabi (Muttafaq 'alaihi).



Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA 11.00 HARI RABU

AKHAR
DASRI
KUALA
BEMER
BRUNEI

20HB JANUARI, 1982.

*Dengan nama Allah yang pemurah
dan maha penyayang*

KEINSAFAN MULA KETARA

TIDAK shak lagi langkah kawalan ka-atas waktu bekerja bagi semua kakitangan kerajaan telah menampakkan tanda2 baik.

Belum sampai sa-bulan langkah itu dikuatkuasakan sudah ketara betapa semua lapisan kakitangan Kerajaan sa-daya upaya mengotorkan diri masing2 ka-dalam suasana baharu di-mana waktu2 kedatangan dan keluar-masuk pejabat telah di-ketatkan. Hal ini, sa-bahagian besar-nya ia-lah berikutan "mereka sudah mula melihat dan menyakini kesungguhan pihak2 tertinggi Kerajaan dalam langkah yang di-ambil setakat ini," ia-itu seperti yang di-nyatakan oleh Ketua Pegawai Penerangan kepada peserta2 ranchangan Taklimat dari Mukim Kianggeh minggu lepas. Sa-lain itu, tidak pula di-nafikan betapa keinsafan terhadap tugas jawatan Kerajaan yang mereka sandang telah menguatkan lagi azam masing2 kakitangan itu pada mendokong langkah tersebut dengan sa-penoh hati.

Dalam pada itu, seperti yang di-duga dari mula lagi, bahawa akan ada kesan sampingan langkah tersebut yang tidak di-ingini oleh sagelintir orang. Menurut yang di-laporkan oleh sa-buah akhbar tempatan ada peniaga2 yang menghadapi kemerosotan dagangan sampai 40 peratus sa-hari semenjak langkah mengetatkan kawalan waktu bekerja itu di-kuatkuasakan. Kedudukan tersebut, jika benar, dengan sendiri-nya menunjukkan betapa sa-belum ini masa bekerja di-sebelah pagi dan petang telah di-pergunakan oleh sa-bahagian kakitangan Kerajaan sa-chara yang tidak betul. Lalu apabila sekarang hal itu mula di-perbetulkan — maka majoriti orang ramai khas-nya ra'ayat negeri ini tentu sekali mengalu-alukan dan menghargakan-nya.

Sa-lain itu, setakat sekarang ternyata pula kesan kawalan waktu bekerja itu menambatkan kesesakan lalu-lintas. Sungutan2 ramai mengenai hal ini tentu di-fahami dengan sa-baik2-nya oleh pihak berkenaan. Bagaimanapun kesesakan lalu-lintas sa-benar-nya sudah berlaku sa-belum pun langkah terbaru ini di-ambil, kerana itu ia bukan-lah alasan muktamad bagi membuat daleh2 yang sengaja di-adakan. Sa-balek-nya kita patut menghargai sa-tengah2 kakitangan yang mengambil langkah2 yang praktis untuk diri masing2. Umpama-nya, mereka mencheptakan bertolak ka-pejabat sa-belah pagi lebih awal dari biasa, dan mana2 yang tinggal jauh atau di-kawasan2 yang biasa-nya lalu-lintas-nya sesak — telah mengotorkan tidak balek tengahari dan memadai makan tengahari di-pejabat atau gerai2 dan restoran2 yang berdekatan. Langkah mereka itu boleh pula menolong mengurangkan kesesakan lalu-lintas.

Sa-benar-nya kesan2 langkah Kerajaan mengetatkan kawalan waktu bekerja ini akan terus di-teliti. Maklum-balas dari jabatan2 serta orang ramai mengenai-nya tentu menjadi bahan yang baik dalam menimbangkan langkah2 berikut-nya.

Satu hal yang mustahak di-ketahui oleh semua pihak ialah Kerajaan tidak bermaksud supaya kakitangan-nya memotahi langkah yang di-ambil itu semata-mata kerana takut yang tiada berasas. Sa-balek-nya, oleh kerana langkah itu boleh di-sifatkan sa-bagai suatu perhubungan membetulkan kedudukan yang tiada sa-limbang dalam tingkah laku dan sikap terhadap pekerjaan dalam jawatan Kerajaan, maka ia lebih berupa ajakan dan pimpinan kepada semua pihak untuk sentiasa insaf akan ketetapan waktu bekerja dan tugas jawatan masing2.

Nyata-nya, dengan kerana baik sangka dari semua lapisan kakitangan, keinsafan sa-demiikian itu sudah mula ketara. Tinggal lagi kita kena-lah sabar menunggu untuk melihat kesan selanjut-nya.

KEMUNGKINAN PERPUSTAKAAN DBP DI-JADIKAN "NATIONAL LIBRARY"

ALHAMDULILLAH, dengan izin Allah jua dapat-lah saya bersama2 hadirin dan hadirat sekalian di-majlis yang sangat penting ini. Biarlah saya lebih awal sa-chara berterus terang bahawa saya bukan-lah sa-orang penulis dalam erti-kata menghasilkan hasil sastera untuk menjadi bahan bacaan kepada orang ramai. Walau bagaimana pun dalam jawatan yang saya pegang sa-lama ini, baik sa-chara rasmi mau pun tidak, sa-memang-nya saya mengikuti perkembangan sastera tanah ayer dengan sa-dekat2-nya.

MAKIN TINGGI

Saya berpendapat tulisan2 tempatan dalam berbagai2 bentuk dan corak yang terdapat pada waktu ini semakin tinggi mutunya walau pun masih banyak ruangan kosong untuk di-isikan dengan standard yang di-tinggikan.

Sa-terus-nya saya berpendapat hasil penulisan tanah ayer akan dapat diperbanyakan dan kualitinya akan dapat di-pertingkatkan sekira-nya orang2 yang mempunyai kelulusan

BERIKUT ia-lah ucapan Y.A.B. Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd Aziz di-Majlis Penyerahan Hadiah Peraduan Menulis Novel pada 15hb Januari, 1982 yang lalu.



Y.A.B. Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd Aziz ketika berucap.

yang tinggi dan berkelibar di-Negeri Brunei ini akan banyak munchol ka-hadapan bagi menghasilkan tulisan mereka dalam berbagai2 bidang.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan tidak berputus2 sentiasa memberikan galakan kepada penulis2 tempatan untuk munchol ka-hadapan. Ini termasuk-lah memberi-

kan kemudahan2 untuk membacah dan mendapatkan bahan2 bacaan dengan mudah-nya. Dalam hubungan ini, Kerajaan sedang meneliti kemungkinan untuk meluaskan perkhidmatan Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka dengan tujuan untuk menjadikannya Khutub-Khanah Kebangsaan ya'ani National Library.

Selanjut-nya untuk menyelaraskan hasil penulisan tempatan dengan tulisan2 yang di-datangkan dari luar negeri, Kerajaan juga pada waktu ini sedang meneliti implikasi2 jika ada kemungkinan Brunei meluaskan penggunaan sistem ejaan baru yang mana pada masa ini penggunaan-nya ada-lah di-hadkan kepada sekolah2. Saya percaya perkembangan seperti ini akan dapat lagi membantu penulis2 tempatan meluaskan dan mempertingkatkan hasil tulisan mereka.

TAHNIAH

Sa-lain daripada itu, saya ingin menchatetkan tahniah yang setinggi-nya kepada seluruh peserta penulisan novel ini dan khususnya kepada mereka yang telah mendapat kejayaan yang begitu tinggi mutunya. Saya mengambil kesempatan ini bagi menyampaikan juga sa-tinggi2 penghargaan dan terima kasih kepada pengerusi majlis ini kerana memberi kesempatan kepada saya untuk hadir dan bersalam2an dengan penulis2 tanah ayer pada malam yang berbahagia ini.

DBP akan terus menganjurkan peraduan menulis novel



Pengarah DBP, Pengiran Badaruddin bin Pg Ghani.

UCHAPAN alaihan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani, di-Majlis Penyerahan Hadiah Peraduan Menulis Novel anjuran DBP, di-Pusat Belia pada 15hb Januari yang lalu.

bangan dan pusat kegiatan sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka akan sentiasa memberikan perhatian yang berat lagi bersungguh-sungguh kepada penerbitan karya-karya sastera tanah ayer.

MENCHABAR

Lebih sa-tahun yang lalu, saya pernah menyuarakan ketandusan tasek sastera kita dengan novel2 tanah ayer dan seterusnya menchebar penulisan-penulis tempatan untuk tampil ka-muka bagi menyahut seruan tersebut dan ternyata jalmah Brunei yang pantang di-chabar dan yang sa-lama-nya memiliki puih kasteria setati menerima chabaran itu dengan hati yang terbuka, hasil-nya tidak sampai dua tahun sa-lepas itu Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei di-banjiri dengan beberapa buah novel yang ada di-antara-nya sudah terbit sa-bahagian lagi sedang di-sunting dan sudah pasti novel2 yang memenangi peraduan kali ini akan segera di-terbitkan, insya Allah.

Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei akan terus mengunggulkan peraduan2 seperti ini dan sudah pasti ia-nya akan di-larutkan lagi ka-bidang2 lain seperti bidang cerpen dan sajak. Semua-nya ini ada-lah di-harapkan untuk dapat memperkayakan khazanah perbendaharaan sastera kita dan sa-chara tidak langsung pula akan dapat menolong-bantu Kerajaan Duli Yang Maha Mulia dalam membangun dan membentuk ketahanan mental bangsa Brunei Darussalam yang berdaulat lagi penuh merdeka.

Akhir-nya kaola bagi pihak Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei amat sika-chita menchatetkan ucapan terima kasih yang sa-tinggi-tinggi-nya kepada Jabatan Radio dan Televisyen, Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan, Brunei dan lain2 jabatan yang terlibat sama dalam menjayakan upacara pada malam ini dengan do'a dan harapan semoga Allah s.w.t akan dapat membalas derma-bakti mereka itu semua dengan sa-baik2 ganjaran jua.

Wabillahi Taufiq Wal-Hidayah, Wassalamu Alaikum Wabrahmatullahi Wabarakatoh.

ALHAMDULILLAH, sam-pai ka-saat ini Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei telah pun dapat menjangkau usia yang kedua puluh tahun. Buat sekian kali-nya peristiwa2 yang telah di-tempohnya berputar kembali; kita mengenang kembali kejayaan dan kegagalan, kelebihan dan kekurangan, kekuatan dan kelemahan yang pernah dan telah banyak di-perkatakan. Sa-lama ini memang telah banyak di-fahamkan bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka berhadapan dengan masalah, chabaran dan desakan yang kompleks. Hasil2 yang di-unggulkan-nya mungkin sukar untuk dilihat tetapi dalam banyak hal kesan-nya dapat kita rasai bersama.

SUMBANGAN DBP

Dalam lapangan sastera tanah ayer kita, tidak-lah begitu keterlaluan jika saya mengatakan bahawa sumbangan Dewan Bahasa dan Pustaka cukup jelas dan bermakna. Dewan Bahasa dan Pustaka sejak awal2 lagi telah berusaha menimbulkan minat masyarakat penulis untuk terus berusaha dalam penciptaan karya sastera yang bernilai. Langkah yang ternyata chukop berkesan ia-lah dengan mengadakan berbagai2 peraduan mengarang baik untuk pembacaan peringkat dewasa mau pun untuk kanak-kanak. Kerana itu lahir-lah karya2 sastera dari bakat2 penulis yang bukan sa-haja sa-mata2 untuk kepentingan seni sastera, kepentingan intelektualisme dan untuk menggambarkan daya berfikir, tetapi juga untuk mengadakan komunikasi yang bermakna di-antara masyarakat penulis dengan pembacanya. Melalui peraduan yang banyak di-anjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, beberapa

BRUNEI DI-AMBANG KEMERDEKAAN

MENGUTAMAKAN PERSEDIAAN YANG LEBEH PENTING

Oleh:
MOHAMAD SALIM

"Perlu di-tanai, di-ungkayah, di-bisai dan di-selaraskan dalam satu langkah yang pantas dan teratur."

SUDAH tiga tahun negara kita melimpasi 7hb Januari, 1979, iaitu tarikh Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama dengan Great Britain ditanda-tangani. Perjanjian tersebut di-buat memandangkan negeri kita Brunei telah bersetuju "mengambil alih semula sa-chara penoh tanggong-jawab antarabangsa sa-bagai sa-buah negara yang berdaulat lagi merdeka," yang mana berkuat kuasa lima tahun dari 31hb Disember, 1978.

Maka peralihan ka-araf itu, sesungguhnya telah menampakkan satu perubahan yang perlu kita tanai, dan ini memerlukan peungkayahan yang perlu di-bisai dan di-selaraskan dalam satu gerak langkah yang pantas dan teratur, terutama pada membanyakkan tenaga2 mahir lagi berkekelayaan, agar semua bidang dan urusan yang bakal kita laksanakan itu berjalan dengan sempurna dan berjaya. Dalam pada itu kelayakan dan kemahiran tenaga2 yang di-harapkan itu perlu sekali di-sambut dengan semangat yang jujur untuk tidak membiarkan 'kapal' yang sama2 akan di-layarkan itu menuju destinasi yang tidak selamat.

STATUS BANGSA

Hal-ehwal luar yang merupakan suatu tanggong-jawab baru untuk di-ungkayahkan oleh rakyat negeri ini pada saat itu, akan menampakkan status bangsa dan negeri kita Brunei sa-bagai satu bangsa dan negara yang akan mencapai kedewasaan-nya. Dan dengan unsur kedewasaan itu nanti banyak negara akan 'berminat' kepada kita lebeh2 lagi dalam sama2 memainkan peranan di-berbagai bidang terutama perdagangan dan politik antarabangsa yang kita nampak masa ini ada-lah lebeh menchabar ktmam-

puan dan potensi kita, dalam mana ehwal berkenaan lebeh banyak memerlukan ketokohan mereka yang benar2 berkelibar dan 'digalati' untuk berdiri sama tinggi dan dudok sama rendah.

MUHIKBAH

Dari segi politik, negeri kita Brunei telah pun mendapat perhatian wajar di-kalangan negara2 luar yang dengan jelas memperlihatkan kesesuaian hubungan yang penoh berminat dengan kita. Minat berhu-

bongan ini dapat di-buktikan dengan ada-nya kehadiran beberapa orang diplomat luar negeri yang mengadakan lawatan sengkak ka-negeri ini, dalam mana di-pehak kita juga telah memperlihatkan kemuhikbahan yang sawajar-nya. Mereka itu pula bukan-lah sa-bahagian-nya datang dari negara2 besar yang politik dan prestasi-nya sudah dapat mempengaruhi kewibawaan dunia.

Yang penting dari semua itu ia-lah yang di-tunjok-

kan oleh negara2 jiran, lebeh2 lagi negara2 anggota ASEAN. Perhatian demikian jelas di-perlihatkan oleh mereka di-saat2 awal lagi. Malah dalam beberapa kunjongan dan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ka-negara2 jiran seperti Singapura, Malaysia dan Indonesia serta juga Sabah, sambutan yang hangat lagi meriah di-perlihatkan oleh mereka sa-bagai mengulakukan keberangkatan yang penoh bererti itu. Sambutan demikian merupakan suatu jawapan yang positif, betapa perjalanan negara kita yang menuju tirai antarabangsa-nya dua tahun lagi itu sentiasa mendapat perhatian hangat dan jitu oleh 'negara2 sahabat' yang bersedia mengulorkan persahabatan dengan kita.

AJENSI2 KITA DI-LUAR NEGERI

Ka-araf hubungan yang berbaik-baik itu, negeri kita Brunei telah pun membuka chawangan pejabat-nya yang baru bagi menempatkan agensi kita di-Kuala Lumpur, seperti juga agensi kita di-United Kingdom dan Singapura. Maka dari penempatan itu, meletakkan reputasi bangsa dan negara kita, sudah mendapat jaminan dan penghormatan yang sawajar-nya demi untuk fadad dan kebajikan bersama.

Dalam menjamin hubungan antara negara2 ini, negara kita terus membuka lembaran sejarah-nya di-dalam negeri, terutama bagi menyediakan beberapa peruntukan undang2 yang berkaitan dengan hubungan2 demikian. Untuk itu sa-banyak tiga buah rang undang2 telah di-gubal dan di-luluskan oleh Majlis Mashuarat Negeri yang bersidang baru2 ini. Dengan ujud-nya undang2 berkenaan, negara kita yang akan mencapai kemerdekaan-nya itu telah menyahut kehendak2 antarabang-

sa dalam perkara2 yang berkaitan dengan hubungan2 luar. Antara undang2 itu termasuk-lah Undang2 Hak-Hak Keistimewaan Diplomatik, Undang2 Perhubungan2 Konsul dan Undang2 Orang2 Yang Di-Beri Perlindungan Antarabangsa.

JAMINAN KESELAMATAN

Di-samping undang2 tersebut, Undang2 Keselamatan Dalam Negeri tahun 1981 telah juga di-gubal dan di-luluskan oleh majlis berkenaan sesuai dengan hasrat untuk menjamin kepentingan dan keselamatan negara dari apa jua bentuk malapetaka dan angkara manusia yang boleh memudharatkan ketenteraman. Pengujudan undang2 ini, jelas memperlihatkan hasrat serta jaminan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk terus melaksanakan semua projek pembangunan-nya agar dapat berjalan dengan lichen dan sempurna demi untuk di-nekmati hasil-nya oleh semua rakyat dan penduduk di-dalam sa-buah negara yang merdeka.

Sesungguhnya penchapaian kemerdekaan yang kita hajati itu tidak diragukan lagi akan keujudan-nya. Apa yang tinggal sekarang ia-lah sa-jauh mana, kita sa-bagai rakyat akan dapat sama2 melaksanakan kehendak2 kemerdekaan itu sesuai dengan harapan dan chita2 kita untuk menchapai-nya. Jangan sampai terkata nanti bahawa kita berharap 'memelok gunung — tetapi terpelok biawak busok'.

PERBAIKI PENTADBIRAN

Dalam memulakan langkah ka-araf penyusunan pentadbiran dan menjamin nekmak2 kemerdekaan negara kita yang akan di-chapai sedikit masa lagi itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah meninjau dan memerhati lebeh dekat lagi pelaksanaan pentad-

biran di-jabatan2 Kerajaan Baginda. Di-samping lawatan2 ka-jabatan2 Kerajaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga telah mengadakan lawatan pada memerhati serta mendengar apa jua perkara yang menjadi masalah penduduk2 kampung. Dari keberangkatan Baginda itu berbagai masalah telah di-sampaikan oleh penduduk berkenaan. Dan sa-bahagian dari masalah berkenaan telah pun mendapat kornia Baginda untuk di-ambil tindakan dan di-luluskan.

Perhatian Baginda terhadap rakyat dan penduduk negeri ini bukan-lah suatu yang baru, malah dalam kebanyakan titah Baginda, perkataan 'rakyat dan penduduk' sentiasa mendapat tempat di-lubok hati Baginda.

- * Rakyat dan penduduk yang sentiasa Baginda seru untuk terus menjalin muhibbah dengan Kerajaan Baginda.
- * Rakyat dan penduduk yang Baginda harapkan untuk sentiasa bekerjasama pada menjamin keharmonian dan ketenteraman ber-negara.
- * Rakyat dan penduduk yang Baginda sentiasa korniai dengan berbagai kemudahan dan kenekmatan dari berbagai pembangunan.

Demikian-lah ketitihan rasa hati Baginda yang berjiwa rakyat.

Dengan langkah2 Baginda yang sentiasa menchurahkan berbagai kebajikan kepada kita sa-bagai rakyat dan penduduk negeri ini, sayugia-lah pandangan Baginda yang sentiasa tidak melupakan kita itu akan terus menyemai rasa timbal-balek dari kita, agar saat kemerdekaan dan nilai2 kemerdekaan yang di-hajati itu akan dapat di-penohi dalam erti-kata merdeka dan berdaulat, aman-tenteram dan sejahtera.



SAAT bersejarah bagi rakyat dan Negeri Brunei menentukan kemerdekaan dan kedaulatan sa-penoh-nya dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan menanda-tangani Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama dengan Great Britain.



BERANGKAT meninjau berbagai sudut keupayaan Pasokan Pulis Diraja Brunei.



LAWATAN Baginda berchemar duli mendampingi rakyat telah dapat membaharui azam dan semangat rakyat untuk sama2 bergandeng bahu membangun negara yang akan merdeka.

AJARAN SESAT

Bahagian IX

PERKARA GANJIL (4)

ADA pun wali Allah, mereka itu saperti yang di-katakan oleh Ibnu Hajar dalam Fathul Bari, ia-lah orang2 yang kenalkan Allah Ta'ala, sentiasa berbuat ta'at kapada-Nya dan ikhlas lagi tulus dalam ibadat mereka.

Wali itu boleh juga di-ertikan saperti yang disebut oleh Al-Imam Al-Qushairi, sa-bagai orang yang di-pelihara oleh Allah s.w.t. di-sebabkan sentiasa dan kekal dalam ta'at. Tiada-lah Allah jadikan kapada-Nya sifat 'Al-Khizlan' yang berdaya berbuat dosa bahkan Allah Ta'ala korniakan kapada-Nya kekal di-atas taufik ia-itu berdaya berbuat ta'at kapada-Nya.

ASAL

IMAN yang kuat, betul dan tetap ia-lah asal bagi perkara wali itu. Dari iman yang kuat itu datang hemmah hamba Allah dan azam-Nya yang jazam pada menambah-sempurnakan takwa dan menjalankan hak2 kehambaan serta bersungguh2 hendak berdamping dengan Allah — ia-itu dengan mengerjakan sa-jua perentah-Nya dan berusaha pada menchari ke-

Siri ke-114

redhaan-Nya. Semua-Nya itu ia-lah dengan mengerjakan perkara2 wajib dengan sempurna serta dengan sa-penoh hati, khudhu' merendah diri kapada Allah Ta'ala, dengan tiada menchari faedah bagi diri, semata2 memandang nekmata Allah ka-atas-Nya. Dari itu, hilang-lah sifat2 lalai, 'ujub, ria' dan menuntut pahala, sebab semua itu hanya akan di-dapat dengan limpah kornia Allah jua — sa-bagaimana iktikad Ahlus Sunnah Wal-Jama'ah. Jadi amal-Nya itu kerana Allah semata2 sa-bagai ia hamba-Nya, dan jadi-lah ibadat-Nya ibadat hamba kapada Tuhan-Nya yang sa-benar dan hak.

TAKWA

ADA pun takwa yang bererti menurut perintah Allah

dan menjauhi larangan-Nya — mesti-lah ada dari mula2 lagi pada wali2 itu. Kerana takwa itu suatu perkara yang lazim bagi iman yang betul. Buah iman dan iman yang saheh itu berdasar iktikad yang betul menurut iktikad Ahlus Sunnah Wal-Jama'ah.

TERBIT YANG GANJIL

MAKA apabila terbit perkara yang ganjil dan pelek daripada orang2 yang ber-sifat yang di-atas itu, yakni wali Allah, maka perkara itu ia-lah keramat nama-Nya.

TUJUAN-NYA

KERAMAT zahir pada wali2 Allah itu tujuan-Nya ia-lah kerana untuk menetapkan hati mereka dalam sentiasa ta'at kapada Allah dan Rasul-Nya, atau pun untuk menzhahirkan darjat mulia mereka dan membantu mereka; atau Allah Ta'ala bertujuan menzhahir-

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS



Haji ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ
(YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Ashar dan U. Cemo, M.C.R.

kan 'Lutfullah' berlaku ditangan mereka. Dalil mengenai hal ini terdapat dalam firman2 Allah antaranya pada Surah Hud ayat 120 dan Al-A'araf ayat 196 serta juga hadith Rasulullah s.a.w.

NUR

BARANGSIAPA yang Allah Ta'ala beri nur dan chahaya serta furqan maka tiada-lah terlindung kapada-Nya mana yang hak dan mana yang batil. Dalam dunia ini ada hak dan nur serta ada orang-Nya. Saperti itu juga ada yang batil, salah gelap gelita serta ada pengikut2-Nya. Masing2 puak itu ashik dengan perkara-Nya dan usahanya. Allah Ta'ala pula berkehendak memenohkan api neraka dengan jin dan manusia sa-bagaimana di-sebutkan dalam firman-Nya pada ayat 119 dari Surah Hud.

SA-TENGAH orang tiada dapat mengenal atau dapat membezakan apa dia keramat bagi wali2 dan apa dia perkara yang pelek2 yang terbit dari ahli sihir, tukang telek, ahli nujum, tok pawang dan ahli silap mata, dan benda2 yang pelek yang terbit dari tabiat yang ganjil, benda pelek yang terbit dari orang2 yang dapat menidorkan sa-seorang dengan jampi su-paya ia mengkhabarkan sa-suatu perkara, benda2 pelek dari orang2 yang dapat menghadirkan ruh atau jin, dari tangkal dan azimat dan banyak lagi perkara pelek. Kapada orang2 itu tiada iman yang dapat membedzakan mana keramat dan mana yang bukan keramat tetapi sihir atau perkara ruh dari perbuatan ahli bathil dan sesat.

(bersambong)

WALLAHU A'ALAM.



DAYANG Kamaliah bte Abdullah yang baru memeluk Ugama Islam sedang di-ra'ikan dalam Majlis Sambutan Maulud anjoran Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan (atas) sementara gambar bawah kelihatan sa-bahagian dari hadirin yang hadir di-majlis tersebut.



Sambutan2 Maulud terus di-adakan di-sana-sini

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lebih banyak lagi majlis2 sempena sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. di-adakan. Pada malam Juma'at lepas tiga majlis Maulud telah berlangsung di-tempat2 yang berasingan.

Bertempat di-Dewan Asrama Jururawat, Jabatan Perkhidmatan2 Perubatan dan Kesihatan di-sini majlis tersebut telah di-anjarkan oleh kakitangan jabatan tersebut. Bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an oleh Awang Wasli bin Haji Abu Bakar telah memulakan majlis pada malam itu. Diikuti dengan ucapan alu2an oleh Pengerusi Majlis Awang Abdul Rahim bin Haji Abdul Latif.

BERZIKIR

Kemudian di-langsungkan pula majlis pengislaman bagi Dayang Kamaliah bte Abdullah. Dayang Kamaliah melafdzkan ikrar Islam-Nya dihadapan Yang Dimuliahkan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awang Haji Ismail. Achara malam itu diakhiri dengan majlis berzikir.

Menjadi tetamu kehormat di-majlis itu ia-lah Yang Ber-

hormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal, Kadhi Besar Brunei. Turut hadir termaok-lah Timbalan Pengarah Perkhidmatan2 Perubatan dan Kesihatan Yang Berhormat Dr Haji Johar dan Pegawai2 Kanan Kerajaan.

CHERAMAH KHAS

Majlis yang sama juga telah berlangsung di-Pejabat Ukor, ia-nya di-anjarkan oleh Badan Kebajikan dan Sokan pejabat tersebut. Sa-orang Pegawai Ugama Kanan Awang Haji Abdul Mokti bin Mohd Daud telah menyampaikan cheramah khas di-majlis itu. Majlis itu juga telah di-serikan dengan Zikir Maulud.

Turut mengadakan majlis sempena Maulud malam itu ia-lah penduduk2 Kampung Pandai Besi 'A' di-Kampung Ayer. Beberapa achara ke-ugamaan telah di-adakan.

Terdahulu sa-belum itu dalam minggu lepas beberapa majlis sa-rupa itu juga telah di-adakan. Antara-nya di-Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Sa'adatul Bolikiah, Pekan Seria yang di-anjarkan oleh guru2 ugama di-daerah itu.

Antara achara-nya termasuklah cheramah yang di-sampaikan oleh Awang Haji Abdul Saman bin Kahar, Ketua Pegawai Pelajaran Ugama. Achara majlis itu juga di-se-lajorkan dengan majlis perpisahan bagi sa-orang Guru Ugama Tingkatan Khas yang telah bersara.

Kakitangan Jabatan Penerbangan Awam juga tidak ketinggalan mengadakan majlis keugamaan saperti itu. Majlis itu berlangsung di-bangunan jabatan tersebut. Tetamu kehormat di-majlis itu yang juga menyampaikan cheramah khas ia-lah Awang Haji Abdul Saman bin Kahar.

Achara kemunchak-Nya pula ia-lah peraduan Zikir Marhaban bagi kakitangan jabatan itu.

DI-TUTONG

Sementara sambutan Maulud telah di-anjarkan oleh pe-lateh2 Pusat Latehan Pertanian Sinaut di-Daerah Tutong pada minggu lepas. Sa-orang Pegawai Ugama Kanan Awang Haji Suhaili bin Haji Mohd-din menjadi tetamu kehormat dan menyampaikan cheramah khas di-majlis itu.

AMANAH DALAM ERTI-KATA YANG LUAS

Mari-lah kita terus menerus menepatkan rasa takwa kepada Allah Ta'ala. dengan sa-benar2-nya dengan chara menguatkan iman dan membanyakkan amal saleh serta menjauhkan diri dari mengerjakan maksiat dan larangan2 Allah.

Salah satu ajaran yang di-bawa oleh Baginda Rasulullah s.a.w. ia-lah tuntutan dan ajakan Islam supaya umat-nya berlaku jujur menanggung amanah. Hal ini diterangkan oleh Allah Ta'ala di-dalam Al-Koran Surah An-Nisa ayat 51 yang kira2 bermaksud: "Sesungguhnya Allah memerintahkan kamu supaya menunaikan segala amanah kepada orang yang berhak mempunyai-nya".

Amanah itu dapat kita bahagikan kepada tiga bahagian, pertama: Amanah terhadap Tuhan. Kedua: Amanah terhadap sa-sama manusia, dan ketiga: Amanah terhadap diri sendiri.

'MUAMALAT'

Adapun amanah terhadap Tuhan terlalu banyak jenis dan macham-nya. Ia-nya meliputi soal2 ibadat dan juga 'muamalat'. Walau bagaimana pun menanggung amanah dalam soal ini termasuklah dengan chara mengerjakan apa2 di-suruh oleh Allah dan menjauhi apa2 yang di-larang-Nya. Di-samping amanah yang berupa ibadat itu ada pula amanah yang berupa 'muamalat' ia-itu yang terpenting-nya ia-lah amanah mengenai isteri dan anak yang wajib di-bimbing, di-didek, diasoh, dan di-pelihara mengikut aturan agama.

Adapun amanah terhadap sa-sama manusia itu ada yang bersifat peribadi dan ada pula yang bersifat umum. Amanah yang bersifat peribadi itu terpicul di atas tiap2 orang dalam bidang pekerjaan masing2. Tidak ada manusia yang terlepas atau dapat melepaskan diri dari tanggung-jawab terhadap amanah yang demikian. Umpama-nya tanggung-jawab dan amanah sa-bagai pegawai, sa-bagai buroh, sa-bagai peniaga, sa-bagai doktor, sa-bagai penjaga keamanan, sa-bagai penulis dan bermacham2 lagi.

MEMEGANG AMANAH

Adapun amanah yang bersifat umum itu umpama-nya amanah sa-bagai hakim yang wajib berlaku adil. Fungsi dari tugas2 yang lain yang mempunyai hubungan dengan kepentingan orang ramai dan soal2

kemasyarakatan, di-antara-nya ia-lah sa-umpama guru2, ulama2, kaum terpelajar, pegawai2 kerajaan, pemimpin2 dan lain2 semua-nya itu mengandongi unsur2 amanah.

Guru2 memegang amanah untuk mendidik manusia menjadi manusia yang baik, ulama2, cherdek pandai, dan lain2 memegang amanah untuk memberikan bimbingan rohani dan kesedaran kepada umat. Pemimpin2 memikul amanah untuk memperjuangkan dan membela kepentingan ra'ayat.

Amanah yang terpicul di-atas bahu pemimpin dapat di-lukiskan saperti tanggung-jawab sa-orang pemandu bas. Kalau setering bas yang penuh berisi penumpang di-pegang oleh sa-orang yang belum pandai memandu atau belum pas lesen memandu bas, lagi tiada jujur yang kerja-nya tidak tekun dan bersungguh2, yang hanya memikirkan kemahuan hawa nafsu-nya sahaja tanpa memikirkan keselamatan dan kepentingan para penumpang, maka sudah pasti bas itu akan masuk longkang atau di-timpa kemalangan jalan-nya sa-hingga menyebabkan terjadi bencana kepada para penumpang dan diri pemandu itu sendiri.

MEMELIHARA ANGGOTA

Adapun amanah terhadap diri sendiri itu pada umom-nya ia-lah dengan memelihara



seluruh anggota badan supaya menjalankan fungsi yang tidak merugikan dan merosak kepada diri sendiri. Chontoh2-nya antara lain ia-lah saperti berikut:—

Fungsi tangan dan kaki ia-lah untuk membuat sesuatu dan melangkah. Tangan itu hendaklah melakukan perbuatan2 yang bermunafaat, sa-umpama untuk mendapatkan rezeki yang sah dan halal, jangan mencuri, jangan rasuah, jangan memukul orang lain dan lain2 lagi. Demikian pula kaki, janganlah di-langkahkan menuju ka-tempat2 maksiat atau yang boleh mendatangkan kerosakan dan kerugian. Begitu pulalah hal-nya dengan anggota2 mata, lidah, telinga dan lain2 yang semua-nya itu hendaklah menjalankan fungsi-nya masing2 dengan chara yang baik dan bermunafaat. Semua itu ada-lah ter-

masuk dalam perkara memelihara amanah terhadap diri sendiri.

Oleh yang demikian mari-lah sama2 kita menyedari terhadap soal2 amanah ini baik terhadap Allah, atau terhadap sa-sama manusia, atau pun terhadap diri sendiri. Tunaikan-lah dia dengan betul, jujur dan ikhlas, mudah2an dengan demikian kita sekalian akan beroleh keselamatan dan kebahagiaan hidup di-dunia dan akhirat.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 20hb Januari, 1982 hingga ka-hari Selasa 26hb Januari, 1982 ada-lah saperti di-bawah ini:

Hari	Bulan	Dzuhur	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
20hb Jan		12.36	3.57	6.32	7.44	5.03	5.18	6.35
21hb Jan		12.37	3.58	6.34	7.46	5.06	5.20	6.35
22hb Jan		12.37	3.58	6.34	7.46	5.06	5.20	6.35
23hb Jan		12.37	3.58	6.34	7.46	5.06	5.20	6.35
24hb Jan		12.37	3.58	6.34	7.46	5.06	5.20	6.35
25hb Jan		12.37	3.58	6.34	7.46	5.06	5.20	6.35
26hb Jan		12.39	3.59	6.36	7.47	5.07	5.21	6.36

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

Rasulullah s.a.w pakar berbagai bidang

Kebangkitan Nabi Besar kita Muhammad s.a.w. sa-lain menjadi Pesuruh Allah s.w.t. bagi memimpin umat manusia ka-araf agama tauhid — beriman dan menunjak umat manusia kepada kehidupan budi pekerti yang mulia, Baginda s.a.w. juga menjadi pengasas yang ulong dalam menyelesaikan beberapa masaalah yang ada kaitan-nya dengan kehidupan (perekonomian) sa-hari2.

ATASI

Dari keistimewaan Baginda s.a.w. yang semula jadi dan peristewi2 sedih yang selalu mendampingi Baginda s.a.w. di-masa kecil-nya itu-lah, maka Baginda s.a.w. terkenal sejak dari kecil-nya sa-bagai sa-orang yang chergas, chekal, chermat, tenang, peramah dan sabar. Dari kesan2 peristewi sedih yang Baginda s.a.w. alami itu-lah yang telah memberikan sa-besar2 ilham dan pengalaman2 serta latehan2 yang sangat berguna dan amat besar sa-kali erti-nya, terutama sa-kali apabila Baginda s.a.w. menempoh usia remaja-nya. Dengan pengalaman2 dan latehan2 itu-lah yang menjadikan Baginda s.a.w. 'dewasa' dan dengan mudah-nya menjadi sa-orang pemimpin yang chekap, penganjur yang berpengaruh, pahlawan yang gagah dan peniaga yang bijaksana lagi amanah. Dengan segala pengalaman itu-lah Baginda s.a.w. telah dapat mengatasi segala kesukaran2 dan kesulitan2 yang di-hadapi oleh Baginda dan umat2-nya.

MENJAMIN

Bila kita menyingkap lembaran kehidupan Baginda, ternyata sa-kali kita dapati yang Baginda s.a.w. telah beroleh dekan dan latehan yang amat berkesan di-masa kanak2-nya kerana men-chari kehidupan yang boleh men-

Bingkisan Minggu Ini

jamin kehidupan-nya di-masa hadapan. Baginda s.a.w. memperolehi dekan dan latehan itu bukan sa-chara teori kerana Baginda sendiri tidak pernah berguru atau bersekolah, tetapi Baginda s.a.w. memperolehi-nya dengan chara praktikal sejak kecil2 lagi Baginda telah mulai melakukan tugas2 orang dewasa saperti berniaga dan mengembara kumbang.

Demikian-lah dalam usia Baginda meningkat 8 hingga 9 tahun, Baginda s.a.w. telah mendapat latehan bagaimana chara-nya mendapatkan sumber2 kehidupan yang paling baik dan paling beruntung ia-itu Baginda s.a.w. telah di-bawa oleh bapa saudara-nya (Abu Talib) mengembara keluar negeri (Sham) dengan membawa harta perniagaan kerana berdagang.

BERDIKARI

Demikian juga ketika umur Baginda s.a.w. meningkat belasan tahun di-mana pada waktu itu Baginda s.a.w. telah memulakan penghidupan-nya chuba berdiri di-atas kaki sendiri (berdikari) ia-itu dengan chara mengambil upah memelihara binatang ternakan kepunyaan penduduk Mekkah dan dari hasil usaha-nya itu-lah di-kumpulkan sedikit demi sedikit sa-hingga boleh di-jadikan modal untuk memulakan penghidupan baru-nya yang lebih berkesan. Usaha Baginda s.a.w. di-dalam lapangan perniagaan ini sangat chemerlang sekali.

Baginda Nabi Muhammad s.a.w. amat menghargai sifat2 orang yang rajin berusaha bagi meninggikan taraf hidup-nya walau dengan apa chara sekali pun, asalkan tidak bertentangan dengan nilai2 ketinggian budi pekerti dan tidak melanggar larangan2 Allah s.w.t. Tegas-nya bekerja atau berusaha itu, baik dalam apa jua lapangan ia-itu asas atau tunjang bagi perkembangan ekonomi sa-seorang atau sa-suatu bangsa itu. Dan untuk

kita umat Islam Nabi s.a.w. telah memberikan beberapa petunjuk serta tauladan yang baik bagaimana chara2 orang Islam mendapatkan penghidupan yang tinggi, ekonomi yang kukuh tetapi halal.

Sa-bagaimana yang telah di-maklumi bahawa Nabi Muhammad s.a.w. ia-lah sa-orang yang pakar dalam semua jurusan hidup di-dunia ini. Susah akan mendapat tandingan-nya walau pun manusia di-zaman nuklear ini. Kehandalan Baginda di-dalam peperangan tiada musuh yang dapat mengalahkan-nya, kecekapan Baginda dalam mengurus perniagaan tiada jutawan yang dapat memutarbelikan-nya. Jadi sudah jelas sa-kali kepada kita bila membaca sejarah kersulan Baginda samasa hayat-nya, bahawa Baginda termashor menjadi sa-orang ekonomis dunia, susunan dan ranchangan ekonomi dalam pemerintahan Baginda berjalan dengan lancar dan Baginda berjaya melahirkan ketenteraman dan keadilan di-kalangan rakyat yang di-pimpin-nya.

ZAKAT FITRAH

Di-samping harta zakat dan fitrah dan harta2 tawanan perang, menjadi salah satu sumber ekonomi negara Islam yang baru muncih sa-hingga tidak ada lagi timbol desas-desus atau tuduhan yang mengatakan bahawa pemerintahan Islam yang di-pimpin oleh Baginda berlaku zalim dan tidak adil. Sa-hingga segala rupa penindasan dan kezaliman di-kawal rapi supaya tidak berlaku sa-masa pemerintahan Baginda, umpama-nya Baginda s.a.w. sendiri sanggup mengharamkan keluarga Baginda (anak chuchu Bani Hashim) daripada menerima harta2 zakat dan fitrah, Baginda bertindak sa-demikian ia-lah kerana di-takuti sa-suatu yang tidak baik akan timbul dalam pemerintahan Baginda, ini tidak lain sa-mata2 kerana menjaga kepentingan umum.

Begitu-lah sifat2 yang di-tunjukkan oleh Rasulullah s.a.w. dalam mengendalikannya masalah pembangunan ekonomi umat Islam. Jadi soal-nya apa-kah chara2 pengendalian Rasulullah s.a.w. terhadap soal ekonomi itu dapat di-chontohi oleh umat2-nya? Ini hanya dapat di-selesaikan jika sifat perjalanan kehidupan Rasulullah s.a.w. itu di-resapikan ka-dalam jiwa dan sanubari orang yang mengendalikannya sa-suatu persoalan itu.

Kuliah Agama bagi belia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Hal Ehwal Agama Brunei telah mengadakan satu kuliah agama untuk ahli2 Persatuan Bahteramu dan penduduk2 di-Kampung Bakut Siraja Muda di-Kampung Ayer pada hari Jumaat 15hb. Januari lepas.

Kuliah tersebut telah di-adakan di-Sekolah Melayu Pengiran Anak Puteri Besar di-

Kampung Peramu.

Antara cheramah yang di-sampaikan ia-lah mengajar pendudok2 kampung tersebut chara2 bersembahyang yang betul dan lain2 lagi. Yang mana kira2 50 orang pendudok kampung termasuk Penghulu Kampung Mukim Peramu Awang Esmit bin Pengarah Haji Naim telah menghadhiri kuliah itu.



Dy. Kamaliah bte Abdullah ketika melafadkan ikrar Islam-nya dihadapan YDM. Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awg. Haji Ismail. (Berita lanjut di-muka 4)

PERISTEWA DI-SEBALEK PENGANUGERAHAN SIJIL KEPUJIAN D.Y.M.M.

TUTONG. — Pada ketika itu hujan turun dengan lebat dan beberapa batang jalanraya telah di-tenggelami ayer dengan keadaan-nya yang licin. Ketika itu Major Abd. Aziz bin Abdullah, sa-orang pegawai AMDB Battalion Kedua, hari itu tanggal 6hb. Nobember, 1982, sedang memandu kereta-nya menuju ka-Daerah Tutong.

Sa-sampai beliau melalui jalan berkenaan di-kawasan Kg. Tanjong Bunut, Major Abd. Aziz terserempak dengan satu kemalangan, dan kereta yang terlibat terjatoh ka-dalam parit yang dalam dan di-penuhi ayer hujan yang keroh. Ayer hujan chukop deras aliran-nya melalui parit tersebut yang saat itu telah menekan badan kereta berkenaan.

Major Abd. Aziz sa-akan2 tidak percaya apa yang di-lihat-nya. Tetapi

Oleh: Manaf HAR.

perasaan terkejut-nya tidak pula mempengaruhi fikirannya sa-buntu yang mungkin. Kedisiplinan tentera yang kuat pada dirinya untuk sentiasa berbak-ti pada bangsa dan negara-nya mendorong beliau memberhentikan kereta untuk berbuat sa-suatu bakti kepada mereka yang terlibat dalam kemalangan itu.

PERTOLONGAN

Apa yang penting ia-lah memberikan pertolongan kerana sa-orang tentera bukan hanya bertanggung-jawab mengawal negara, malahan harus bersedia dalam apa jua keadaan dan bila2 masa di-kehendaki dan tidak-lah chalang-chalang menyangkut-kan di-dada 'Pingat Laila Tugas' itu.

Major Abd. Aziz melihat pemandu kereta itu terhumban keluar, dan penumpang perempuan masih tertinggal di-dalam kereta yang di-tenggelami ayer dalam keadaan tidak sedarkan diri.

Ketika itu Major Abd. Aziz terus meminta bantuan dari sa-orang pemandu supaya melaporkan segera kepada pihak pulis di-Balai Sengkurong. Pada ketika itu juga tiga orang soldadu datang untuk memberi bantuan. Mereka itu ia-lah Soldadu Abas bin Sahat dari Battalion Kedua, Soldadu Zainal bin Talib dan Soldadu Awg. bin Mat Noor, kedua-duanya dari Pasokan Skuadron Peninjau. Ternampak kejadian itu mereka terus mengembeling tenaga bersama-sama.

Dalam usaha mereka untuk membuka pintu kereta tersebut, beberapa kali mereka menemui kegagalan dan ada-lah terlalu sukar mereka rasakan apa-

tah lagi dalam musim hujan dan di-tambah lagi dengan ayer yang deras dan keroh. Namun perasaan berganjak dari menyela-matkan nyawa perempuan itu tidak luput dan Soldadu Zainal mendapati perempuan itu telah di-tenggelami ayer sa-hingga paras leher-nya dan berada di-bahagian belakang kereta.

Sa-telah bertarong begitu lama dan perhubungan demi perhubungan di-buat bagi mengangkat kereta itu yang kedudukan-nya terbalak dengan ke-empat2 roda ka-bahagian atas di-dalam parit, akhir-nya usaha mereka berjaya dan memberikan rawatan ke-emasan kepada perempuan itu sa-belum ia di-kejarkan ka-rumah sakit.

KEJAYAAN

Demikian antara lain sa-chebis kejadian yang di-lalui oleh empat orang tentera kita yang mana hasil kejayaan mereka menyelamatkan nyawa sa-orang penumpang perempuan itu telah membawa mereka di-anugerahkan Sijil Kepujian Kebawah Duli Yang Maha Mulia (Sultan's Commendation) dan sa-bilah keris kecil yang mana ini ada-lah merupakan julung2 kali di-anugerahkan kepada anggota2 AMDB.

Majlis penyampaian sijil-sijil kepada mereka itu telah berlangsung di-Dewan Gerak Badan, Battalion Kedua, pada hari Isnin, 11hb. Januari, minggu lepas dan telah di-laksanakan oleh Pemerintah Pasokan AMDB, Brigadier E.D.Cameron dan telah di-hadiri oleh antara-nya Pegawai Memerintah Battalion Kedua, Pegawai2 Kanan AMDB dan anggota2 Pasokan Battalion Kedua serta Pasokan Skuadron Peninjau.



BRIGADIER Duncan Cameron menyampaikan sijil kepujian DYMM kepada Major Aziz.



ENCHIK Mohamed Taufik bin Datuk Mohd Nor, wakil Kerajaan Malaysia ka-Brunei minggu lalu telah mengadakan lawatan singkat ka-Pejabat Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan di-Jalan MacArthur, ibu negeri.

Dalam lawatan itu Enchik Mohamed Taufik telah di-alu2kan oleh Ketua Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman.

Di-samping berbilang dan bertukar2 fikiran, Enchik Mohamed Taufik telah juga sempat di-bawa melawat Bilek Taklimat dan mendapat penerangan tentang kerja2 yang telah di-laksanakan oleh bilek tersebut kepada rakyat dan orang ramai di-negeri ini.

Kelihatan dalam gambar Enchik Mohamed Taufik (kiri) sedang mendengar penerangan di-dalam perbualan-nya dengan Ketua Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin. — MS.

Peluang jalani latihan dalam bidang teknikal

KUALA BELAIT. — Sa-buah sharikat tempatan, Promega-Jaya (B) Sendirian Berhad yang terlibat dalam perusahaan industri minyak dan gas memerlukan beberapa orang anak2 tempatan yang berkelayakan untuk menjalani latihan di-bidang teknikal.

Latihan sa-lama dua tahun itu akan di-adakan di-Pusat Latihan Promet, di-Promet Group, Singapura ia-itu sa-buah perbadanan antarabangsa yang meng-

ambil tugas dalam berbagai jurusan di-Brunei dan di-kawasan Asean. Sa-lama mengikuti latihan, mereka ada-lah di-anggap sa-bagai pelatoh berkontrek termasuk dua tahun dalam ikatan perjanjian selepas tempoh latihan.

Pemohon2 hendak-lah terdiri dari rayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, berumur 20 tahun ka-atas, dan mempunyai sedikit pengalaman dalam bidang teknikal ada-lah satu ke-lengkapan.

Sharikat tersebut akan memberi gaji dan kelonggaran faedah yang lain kepada pemohon2 yang berjaya.

Sa-siapa yang berminat hendak-lah mengemukakan permohonan sa-chara bertulis dengan mengata-kan kelayakan, kebolehan bekerja jika ada, gaji masa ini dan gaji yang di-kehendaki. Permohonan2 hendak-lah di-sertai dengan dua keping gambar berukuran paspot yang tidak akan di-kembalikan. Nomor talipon jika ada hendak-lah juga di-nyatakan.

Permohonan hendak-lah di-alamatkan kepada Promega-Jaya (B) Sendirian Berhad, Peti Surat 686, Kuala Belait, tidak lewat dari 1hb. Februari, 1982.

Pertandingan Hadhrah bagi Sekolah2 Rendah dan SPI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bahagian Latihan Kesenian dan Musik, Jabatan Pelajaran Brunei akan menganjurkan pertandingan hadhrah kali ke-enam yang mana akan di-adakan pada tarikh yang akan di-maklumkan kemudian.

Pertandingan ini ada-lah terbuka kepada semua Sekolah2 Rendah Melayu dan Persediaan Inggeris. Tiap2 sekolah yang ingin menyertai pertandingan ini hendak-lah menyediakan tidak kurang 25 orang dan tidak lebih 30 orang peserta. Dan pasokan2 sekolah tersebut hendak-lah membawa sa-buah lagu seperti SALAWAT, HULAIL-

LAH, BISMILLAH, YA RASUL dan lain2 lagu yang biasa, dengan menggunakan senikata Arab.

Para peserta juga di-ingatkan supaya memakai pakaian yang berchorak ke-Bruneian atau mengikut pakaian tradisi Brunei Asli.

Oleh yang demikian semua sekolah2 yang ingin menyertai pertandingan ini hendak-lah mengisikan borang yang telah di-sediakan oleh Bahagian Latihan Kesenian dan Musik, Jabatan Pelajaran Brunei dan hendak-lah di-kembalikan ka-bahagian tersebut tidak lewat pada hari Sabtu 27hb. Februari, 1982.

Mashuarat Agong KPPRK

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib, di-jangka akan melakukan pembukaan rasmi mashuarat agong Kesatuan Pegawai2 Rendah Kerajaan Brunei kali yang kedua belas bagi tahun ini.

Pembukaan rasmi tersebut akan di-langsungkan pada 25hb. Januari, ini ia-

itu hari Isnin mulai jam 8.30 pagi bertempat di-Bilek Kuliah Dewan Bahasa dan Pustaka, di-sini.

Ada-lah di-fahamkan antara agenda2 yang akan di-bincangkan dalam mashuarat tersebut ia-lah mensahkan minit mashuarat agong kali kesebelas tahun 1981, laporan tahunan kesatuan, laporan kewangan kesatuan dan mensahkan usul2 yang akan di-hadapkan kepada pe-

hak2 yang berkenaan, undang2, membentuk badan bagi mengendalikan Tabong Kumpulan Wang Pekerja dan melantik jawatankuasa baru kesatuan tersebut.

Ada-lah di-harapkan kepada semua ahli2 kesatuan dan seluruh pegawai dan kakitangan kerajaan di-dalam bahagian III, IV dan V di-persilakan hadir ka-majlis tersebut pada tarikh dan tempat tersebut.

RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pihak Radio Talivishen Brunei berhak untuk menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.

RABU - 20HB. JAN.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 IN SEARCH OF: "Learning E.S.P."
- 5.30 NEW TOM AND JERRY SHOW
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 DIFFERENT STROKES: "The Social Worker"
- 6.32 AZAN MAGHRIB
- 6.36 NEW TOM JONES SHOW — "Dusty Springfield"

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 FOUL PLAY — "The Big Bang"
- 7.44 AZAN ISHA
- 7.48 FOUL PLAY — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 CHERAMAH MAULUD
- 8.40 LIPUTAN NASIONAL
- 9.00 GIVE US A CLUE:
- 9.30 HAWAII FIVE 'O': "When Does A War End?"
Mengapa-kah firma kepunyaan Yuhio Muromoto sa-orang penduduk keturunan Jepun-Amerika yang sangat di-segani dan di-hormati menjadi sasaran pengeboman sa-orang pengumpul "memorabilia" Perang Dunia Kedua?
- 10.20 TAYANGAN GAMBAR: "The President's Analyst"
Gambar Paramount. Pelakon2: James Coburn, Will Geer, Godfrey Cambridge, Joan Delaney.
- 11.50 SIARAN TAMAT.

KHAMIS - 21HB. JAN.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 SESAME STREET
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 YES YOU CAN — siri baru
- 6.34 AZAN MAGHRIB
- 6.38 TAKE HART S3

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 BATTLE STAR OF GALACTICA — "The Lost Warrior"
- 7.46 AZAN ISHA
- 7.50 BATTLE STAR OF GALACTICA — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 CHERAMAH MAULUD
- 8.40 HIDAYAT
- 9.10 DUNIA MINGGU INI
- 9.40 HOUSE CALL: "Final Exam"
- 10.10 ROAD TO WEMBLEY
Watford lawan Manchester United
- 11.10 DYNASTY
- 12.10 SIARAN TAMAT.

JUMAAT - 22HB. JAN.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 FOLLOW ME
- 5.15 CHILDREN'S SERIAL — "Spy"
- 5.30 CHOICE OF CHAMPIONS — "The Super Humans"
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 YOU ASKED FOR IT
- 6.34 AZAN MAGHRIB
- 6.38 THE SQUAD: "Recruits"

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 EIGHT IS ENOUGH — siri baru
- 7.46 AZAN ISHA
- 7.50 EIGHT IS ENOUGH — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 CHERAMAH MAULUD



SIRI "BATTLE STAR OF GALACTICA" menghidangkan chara kehidupan manusia di-angkasa lepas di-masa depan. Gambar di-atas menunjokkan bentok salah sa-buah dari kapal2 angkasa lepas. Siaran siri ranchangan ini ia-lah pada tiap2 hari Khamis jam 7.15 malam.

- 8.40 DALLAS: "Little Boy Lost"
J. R. bertindak "habis2an" untuk mengambil anak-nya dari Sue Ellen.
- 9.30 BENSON: "The Apartment"
- 10.00 GUSTI
- 11.00 THE SWEENEY: "The Victims"
- 11.50 SIARAN TAMAT.

SABTU - 23HB. JAN.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 SESAME STREET
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 NEW POPEYE SHOW
- 6.34 AZAN MAGHRIB
- 6.38 MR MERLIN: "Not So Sweet Sixteen"

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 THE INCREDIBLE HULK — "The Phenom"
- 7.46 AZAN ISHA
- 7.50 THE INCREDIBLE HULK — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 CHERAMAH MAULUD
- 8.40 LIPUTAN NASIONAL
- 9.00 MARI MEMASAK
- 9.30 TAYANGAN FILEM INDONESIA: "Si-Doel Anak Modern"
- 11.00 TAYANGAN GAMBAR AKHIR: "The Rip Off"
- 12.30 SIARAN TAMAT.

AHAD - 24HB. JAN.

PETANG

- 2.00 PEMBUKAAN
- 2.02 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 2.14 SUSUNAN RANCHANGAN
- 2.17 IT'S NOW
- 3.05 BREAKING AWAY: "Grand Illusion (Episod terakhir)"

- 3.58 AZAN ASAR
- 4.02 HARPER VALLEY — Episod terakhir
- 4.15 KAP KAP UDANG
- 5.00 SHAZAM
- 5.30 SCIENCE INTERNATIONAL
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 FLASH GORDAN
- 6.34 AZAN MAGHRIB
- 6.38 DR WHO

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 LOVE BOAT
- 7.46 AZAN ISHA
- 7.50 LOVE BOAT — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 CHERAMAH MAULUD
- 8.40 PESTARAMA — Ranchangan Tahun Baru China
- 9.10 BEST OF THE WEST: The Prisoner
- 9.40 POT BLACK
- 10.15 A WOMAN CALLED MOSES (Episod terakhir)
- 11.00 ARMCHAIR THRILLER: "The Chelsea Murders"
- 11.30 SIARAN TAMAT.

ISNIN - 25HB. JAN.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 FOLLOW ME
- 5.15 THE NEW SPACE GHOSTS AND HERCULOIDS
- 5.35 ANIMALS IN ACTION:
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 TARZAN: Jungle Ransom
- 6.34 AZAN MAGHRIB
- 6.38 TARZAN — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 HART TO HART: "Operation Murder"
- 7.46 AZAN ISHA

- 7.50 HART TO HART — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 CHERAMAH MAULUD
- 8.40 LIPUTAN NASIONAL
- 9.00 TAIWAN CULTURAL SHOW
- 10.00 THE GUYANA TRAGEDY: Menchungkil puncha kesah Jim Jones dan Peoples Temple yang bermula di-Indianapolis dalam tahun 1953 hingga pembunuhan diri beramai2 oleh lebih 900 orang pengikut2-nya pada 16hb November 1978 di-Jamestown, Guyana.
- 10.50 NATIONAL GEOGRAPHIC: The Great Whales
- 11.35 KNOTS LANDING: "Players"
- 12.25 SIARAN TAMAT.

SELASA - 26HB. JAN.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 HERE'S BOOMER
- 5.25 RAINBOW
- 5.40 SPORT'S BILLY: Trouble In Tokyo
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 FAMILY HOUR FESTIVAL "My Mum's Having A Baby"
- 6.36 AZAN MAGHRIB
- 6.40 FAMILY HOUR FESTIVAL — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 THE GREATEST AMERICAN HERO: Hogwild
- 7.47 AZAN ISHA
- 7.51 THE GREATEST AMERICAN HERO — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 CHERAMAH MAULUD
- 8.40 ARENA SOKAN
- 9.25 VIETNAM: The 10,000 Day War.
- 9.55 TAYANGAN GAMBAR: "Living Free"
Di-bintangi oleh Nigel Davenport, Susan Hampshire dan lain2.
- 11.30 THE UPCHAT LINE
- 12.00 SIARAN TAMAT.

Siaran radio minggu ini:

JURUHEBAH Sambilan BUKAN JURUHEBAH '9'

JURUHEBAH sambilan ada-lah tenaga pelapis di-Radio Brunei. Dan sa-lama ini radio telah melatch berpuluh-puluh juruhebah sambilan itu. Tetapi sesuai dengan taraf-nya sambilan, maka sa-telah beberapa ketika, ramai-lah di-antara mereka yang meninggalkan dunia radio itu kerana memperoleh jawatan-jawatan yang bersifat 'permanent' atau mendapat biasiswa melanjutkan pelajaran di-Maktab atau Universiti di-seberang laut, yang nanti kedudukan sayap-nya tinggi di-atas kepala juruhebah2.

Di-radio, juruhebah2 sambilan ini merupakan 'spare parts' penting yang dapat mengatasi kepinangan

Juruhebah sambilan ada-lah 'Spare Part' penting dalam mengatasi jentera penyiaran. Mereka terpaksa menempoh kerja2 praktikal terlebih dahulu sa-hingga mahir.

jentera penyiaran. Seperti mana hal-nya dengan 'spare parts' yang memakan masa untuk memesan-nya, begitu juga juruhebah sambilan ini, yang terpaksa menempoh latching2 praktikal mengenai kerja2 studio dan sa-telah berkebolehan baru-lah dapat menjalankan tugas. Kerana itu orang agak chondong mengatakan bahawa juruhebah itu bukan di-lahirkan masyarakat te-

tapi di-lahirkan oleh radio.

Apa yang mendorong belia2 kita mencuburkan diri ka-du-nia sementara ini? "Sementara menunggu biasiswa ka-seberang laut. Seperti kata pepatah, berjagong2 dulu sementara menanti padi masak," kata sa-orang Dayang Form Lima. "Saya memang chenderong kerja juruhebah ni. Saya tolak jawatan guru," kata sa-orang anak muda berjagut sejempit. "Saya nak mengasah bakat dalam lapangan mass media ini. Kerana saya berminat dalam bidang penulisan, drama, menyanyi," jelas sa-orang gadis ala Noor Kumalasari. Entah benar entah tidak. Tapi begitu-lah kata-nya.

Melihat orang-nya macham Noor Kumalasari, lantas saya bertanya "Ada kechenderongan dalam lapangan modelling (peragawati?) "Ada tu ada juga. Tapi saya takut dengan chakap2 orang. Orang kata se-

tapak kehadiran dari peragawati tu dah jadi orang"

Saya teringat 25 tahun dulu. Ramai juga orang memandang serong pada juruhebah. Ramai ibu-bapa tidak menggalakkan anak2 gadis-nya bekerja sa-bagai juruhebah, konon-nya menjual suara, dan tentu-lah agaknya sa-lepas itu ada lagi dari bahagian2 tuboh yang akan dijual-nya.

Suku abad dulu orang tidak akan per-chaya, jika di-katakan ada juruhebah yang sembahyang lima waktu sa-hari semalam dan puasa tamat sabulan. Tapi sekarang lain keadaan-nya. Jauh berbeza. Juruhebah2 berfirman, berhadis, membuat laporan dari majlis2 pertandingan Al-Kor'an dan siaran2 terus menerus Sembahyang Jumaa't. Dan sa-tiap hari mereka berada di-Masjid untuk melaporkan siaran langsung sembahyang Maghrib berjema'ah. Di-mana saja majlis2 ugama di-adakan, juruhebah radio sudah bersedia di-sana. Malah sampai ada juruhebah radio membuat komen, "Saya rasa lebeh alim sejak bekerja sa-bagai juruhebah ni kerana hampir tiap hari menghadhiri kegiatan2 ugama," Shukur Al-hamdulillah. Bukan-kah yang baru itu berubah2 ada-nya?



SELOKA MERPATI

A. T. Zulkifli dan Dk. Halimah Pg. Haji Md. Said, itu-lah pasangan penyanyi yang akan bersama pendengar di-dalam rancangan Seloka Merpati pada hari Ahad 24hb. Januari 1982 jam 2.30 petang. Dari rakaman yang telah di-jalankan pada bulan Disember lepas, maka terhasil-lah lima buah lagu-lagu lama yang satu masa dulu di-zaman bapa kita masih muda, sungguh-sungguh di-sukai ramai.

yok (anjing) dan ayam'. Lagu2-nya ia-lah Bintang Hati yang di-popularkan oleh Nona Asiah dan Abdullah Chik, Sejiwa, lagu dari Noormadiyah dan Aziz Jaafar, Tanda Kenangan nyanyian Rokiah dan Abdullah Chik, Hidup berdua — P.Ramlee dan Asiah, dan sebuah lagu di-tahun 60an Kenangan di-Padang Kota yang di-popularkan oleh Ahmad Daud dan Saloma. Bagaimanakah pula kebolehan A.T.Zulkifli dan Dk. Halimah dalam menghidupkan kembali lagu2 tersebut, sama2-lah kita nantikan!

BENGKANG DAGING AJAIB

Bahan2-nya :

- 1 kati daging lembu di-chinchang
- 2 biji lobak merah di-rebus kemudian di-bentok tiga segi menjadi 3
- 1 1/2 kati ubi kentang di-rebus hingga empok, kemudian bentokkan 3 segi jadikan 3. Lebeh ubi kentang di-lecek dengan sedikit mentega
- 4 biji telur ayam, 3 biji di-rebus.

Rempah untuk di-giling :

- 2 sudu kechil lada hitam
- 1/2 sudu badam tumbok
- 1 ulas bawang puteh
- 1 sudu kechil jintan manis
- 5 ulas bawang merah sedikit halia, garam, mentega dan serbok roti

Chara2 membuat-nya :

Daging, rempah giling, garam masukkan dalam periok kemudian masak sampai keluar ayer daging itu. Masukkan sedikit ayer biarkan sampai kering ayer-nya. Ambil achuan kek sapu sedikit mentega kemudian taburkan serbok roti. Bila sudah daging tadi masak, angkat dan sejukkan. Pechahkan telur, pukol jangan sampai kenbang dan masukkan ka-dalam daging yang di-sejukkan tadi, kachau rata2. Kemudian ambil sa-paroh daging tadi dan masak ka-dalam achuan dan ratakan. Atorkan telur, kentang, dan lobak merah di-susun selang2 kemudian lebeh daging tadi di-tuangkan di-atas-nya. Ratakan dan atas daging tadi tutupkan dengan kentang yang di-lecek tadi serta ratakan. Taborkan serbok roti yang lebeh tadi dan ratakan. Bakar-lah sa-lama 20 minit atau sa-tengah jam.

Waktu dulu ramai terdapat ibu-bapa memandang serong terhadap pekerjaan sa-bagai juruhebah, konon-nya menjual suara dan lain2. Kini jangan hairan jika mereka bersembahyang, berfirman dan berhadis. Malah ada yang lebeh alim semenjak menjadi juruhebah.



Kseluruhan-nya, masa bekerja yang baru itu ada-lah menselesaikan banyak sudut. Sambutan terhadap-nya sungguh besar. Kesan daripada-nya menguntungkan semua pihak. Tidak nampak ia-nya menyusahkan siapa2.

Sudut yang menselesaikan sa-chara ketara ia-lah tingkatan perkhidmatan kepada masyarakat dengan lancar. Lebih penting dari itu ia-nya dapat menanamkan lebih mendalam lagi kesedaran berkhidmat untuk negara dan masyarakat. Sa-chara terus-terang harus disedari betapa perkhidmatan2 yang di-perlukan itu harus di-tingkatkan. Semangat untuk terus menatangi ikrah berkhidmat untuk negara dan rakyat itu, perlu pada pembajaan2 yang positif, kerana sa-chara jujur harus di-akui bahawa Brunei sedang berhadapan dengan berbagai chabaran yang menghendaki kekuatan2 untuk menempoh-nya. Kekuatan itu perlu ada pada sa-tiap sudut penting seperti kekuatan di-bidang pentadbiran. Kekuatan2 di-bidang itu termasuk-lah juga kelichinan dan kelancaran dalam satu2 perkhidmatan negara yang sering di-dakwa untuk kesesakan rayat dan isi di-dalam-nya itu.

TERHADAP MEMBERATKAN TUGAS
Sambutan2 terhadap-nya begitu besar sekali bilamana semua-nya merasakan akan keketaraan perubahan2 dari "yang merengankan" kepada "lebih memberatkan" tugas yang di-amanahkan itu. Umpama-nya, kalau pada sa-belum masa bekerja yang baru itu di-kuatkuasakan, terhadap beberapa perkhidmatan yang berhubung langsung dengan orang ramai telah menimbulkan sungutan2 sama ada kerana kelambatan yang tidak mesti berlaku mahupun kerana lewat datang ka-pejabat atau keluar meninggalkan pejabat begitu lama. Puncta lambat datang, alasan yang biasa di-gunakan ia-lah kerana menghantar kanak2 ka-sekolah bila waktu pagi, di-samping

"MASA BARU" PENOHI APA YANG DI-HAJATI

Oleh:
HAJI AHMAD ARSHAD

akibat2 kesesakan lalu lintas. Alasan ini sa-akan2 sama di-buat pada sa-belah tengah hari. Alasan keluar minum pada sa-belah pagi dan petang juga tidak kurang dari menjadi puncha kelambatan2 perkhidmatan yang menjadi rungutan itu. Ramai yang menggunakan kesempatan itu untuk tujuan2 lain seperti urusan2 persendirian, berbusiness dan sa-umpama-nya yang sudah tentu dapat dipastikan bahawa masa minum yang terhad itu telah sengkaja di-lanjut2-kan.

Ketetapan masa bekerja yang baru itu telah dapat membetulkan perkara2 yang tidak patut berlaku itu, walaupun pada nyata-nya yang Kerajaan terpaksa melanjutkan masa datang ka-pejabat di-sebelah pagi dari 7.30 kepada 7.45 dan di-sebelah petang dari 1.15 kepada 1.30, tetapi mengambil masa itu semula dengan menetapkan masa pulang di-sebelah petang pada 4.30 dan tidak lagi 4.00. Jadi, masa berkhidmat yang ditentukan sepanjang hari itu maseh tidak berubah ia-itu tetap 7½ jam. Kedudukan ini hanya-lah dalam hal anjak-anjakan sahaja, tetapi telah menimbulkan kesan2 yang di-perlukan itu. Maka dari segi masa ia-nya tetap sama.

KESAN PENTING

Apa yang menimbulkan kesan penting itu ia-lah dari tindakan sampingan-nya ia-itu dengan memastikan supaya Pejabat2 Kerajaan mengatorkan ketetapan datang ka-pejabat dan muleh dari pejabat serta menentukan

masa keluar dan sebab2 sa-seorang itu keluar pejabat termasuk-lah keluar kerana menjalankan tugas pekerjaan masing2 dengan Kerajaan. Tindakan sa-umpama ini-lah yang banyak memberikan kesan kepada niat dan hasrat untuk lebih mencheapkan lagi perkhidmatan2 Kerajaan yang ada supaya apa yang di-sebut efficient, jujur dan amanah dan berkhidmat semata2 kerana Allah itu tetap dengan nilai2-nya yang murni dan tidak merupakan "chakap-chakap" yang tidak memberi bekas atau menjadi sesuatu yang nihil dan tidak berfaedah. Dan hajat untuk menyumbangkan perkhidmatan yang tepat kepada masyarakat kita itu tidak akan menjadi buah mulut yang sa-balek-nya.

MENGATASI MASAALAH YANG DI-HADAPI OLEH ORANG RAMAI.

Masaalah yang di-hadapi sa-belum peratoran baru itu di-adakan ia-lah soal kakitangan yang sa-chara langsung berhadapan dengan orang ramai.

"Kita mahu mengelakkan jangan sampai orang ramai datang ke-pejabat yang berkenaan itu, sedangkan pegawai yang bertanggung-jawab itu tidak berada di-pejabat, dan dengan hal yang demikian orang yang berhajat itu terpaksa menunggu satu dua jam, malah ada yang terpaksa balek lagi waktu petang."

"Ini sudah menyusahkan orang ramai yang mana mereka itu mempunyai mata-pencharian dan terpaksa meninggalkan-nya di-sebabkan hendak, kata-lah, membayar chukai tanah dalam kadar lima-sepuluh ringgit. Tetapi

Ketua2 Jabatan akan hantar laporan sa-telah sa-bulan berjalan

akibat dari menunggu2 itu, mereka sudah kehilangan sa-puluh dua puluh ringgit," demikian menurut pemerhatian Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar.

"Ini-lah satu perkara yang kita harap dapat di-atasi. Jadi, dengan ada-nya pegawai itu di-pejabat-nya dan ia masuk ke-pejabat-nya dalam waktu2 yang di-tetapkan, tentu-lah orang ramai senang berurusan kerana pegawai itu sentiasa ada, kechual-lah kalau pegawai itu bermashuarat dan sa-umpama-nya," tegas lagi Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar mengenai dengan beberapa asas terhadap masa bekerja yang baru itu.

SAMBUTAN TERHADAP "MASA BARU"

Meninjau tentang sambutan orang ramai pula, keseluruhan-nya merasa senang atas perubahan itu. Dalam satu tinjauan khas, mereka sangat mengalu2kan dan sungguh menyenangi atas perubahan2 yang berlaku.

Perkara yang penting sangat2 di-hargai oleh orang ramai ia-lah kesegeraan2 yang di-hajati oleh peratoran itu telah dapat di-chapai dengan jaya-nya.

"Kita tidak lagi tertunggu2, malah orang2 Kerajaan itu lebih awal menunggu kita," kata sa-orang peniaga runchit. Dengan yang demikian, "masa kami tidak lagi terbuang seperti yang selalu-nya kami alami, dan dapat-lah kami mempergunakan masa itu untuk menambahkan mata pencharian," tambah-nya.

"Dalam pada itu kita terpaksa menunggu giliran dalam masa ba-queue ini tentu-lah terpaksa mengambil masa sedikit dan kena-lah kita bersabar sedikit," kata sa-orang kakitangan Kerajaan dalam menceritakan pengalaman-nya di-sepanjang minggu perubahan masa baru itu.

"Tetapi perubahan besar yang membanggakan ia-lah perubahan sikap bekerja di-kalangan kerani2 yang berkenaan. Dulu, dalam masa ba-queue itu, biasa berlaku yang orang ramai terbiar tanpa memberi tahu kenapa mesti begitu. Rupa2-nya kerani yang berkenaan itu keluar minum dan orang ramai terpaksa menunggu lama.

"Sekarang, keadaan itu tidak ada lagi dan kerani2 yang berkenaan membawa bekal dari rumah dan mereka bekerja sambil minum. Jadi, perkhidmatan kepada orang ramai itu berjalan lancar. Ini juga dapat mengurangkan kesesakan yang biasa berlaku itu," tegas kakitangan Kerajaan itu.

TERJEJAS

Pekedai dan penamu mendakwa yang mereka tidak lagi menemui keramaian2 pelanggan seperti sa-belum-nya. Mereka biasa menerima pelanggan2 yang



Y.A.B Pmk. Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz.

ramai di-sebelah pagi antara jam 9 - 10, tetapi keadaan itu amat jauh berkurangan. Demikian juga hal-nya kedai2 kopi, restoran2 dan kedai2 makan biasa, mengalami keadaan yang serupa.

Keadaan jalanraya dalam tempoh masa yang sama yang biasanya sebek, telah tidak lagi berkeadaan demikian. Maka tidak shak lagi bahawa peratoran2 baru itu berjaya memenohi apa yang di-hajatkan itu. Chuma barangkali perkara kecil yang timbul kerana-nya ia-lah kesesakan2 di-sa-belah pagi dan tengah hari di-ketika orang hendak ka-tempat2 kerja pada waktu2 yang di-tetapkan itu. Tetapi, gangguan2 lalu-lintas pada waktu2 yang di-sebutkan itu tidak-lah sampai menjekaskan waktu2 yang di-perlukan, kerana apa yang nampak ia-lah kebijaksanaan mereka itu mengatasi-nya. Maka semua-nya dapat berjalan dengan baik berkat kebijaksanaan dan meningkat-nya semangat berkhidmat yang di-perlukan itu.

BELUM MUKTAMAD

Namun demikian masa yang di-pakai pada masa ini belum-lah muktamad.

"Sa-lepas satu bulan, kita akan menerima laporan dari ketua2 jabatan tentang bagaimana pelaksanaan waktu2 bekerja yang baru itu berjalan dan apa masaalah2 yang di-hadapi dan apa pula tindakan yang telah diambil," demikian tegas Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar.

"Sa-telah penilaian itu nanti, "kita akan lebih tegas tentang apa sistem yang akan kita pakai bagi mengesahkan hasrat Kerajaan pada mengadakan waktu2 bekerja yang baru itu," Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar seterusnya menjelaskan.

Maka jelas-lah yang Kerajaan sedang menumpukan perhatian yang serius dalam mencheapkan perkhidmatan2 yang di-amanahkan kepada sa-tiap orang yang menjadi kakitangan Kerajaan dari perengkat tinggi hingga-lah ka-perengkat serendah2-nya.

Dalam perengkat penyesuaian masa bekerja yang baru itu, masing2-nya sedang berusaha untuk meresapi dan mensebatikannya dan dari apa yang ada itu, nyata-lah bahawa penghayalannya akan membuktikan kejayaan yang besar pada menjangkau matlamat Kerajaan itu.

TAHNIAH.

Melihat kepada kesungguhan seluruh pegawai2 dan kakitangan Kerajaan dalam memperaktikan masa yang baru itu, maka Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar menguchapkan satinggi2 tahniah kepada mereka sambil mengharapakan yang praktik itu akan berjalan terus dan ketaatan yang demikian akan terus ujud dalam perkara2 yang lain demi kepentingan kemajuan bangsa dan negara. Dan kemajuan2 itu hanya akan dapat di-chapai oleh susunan pentadbiran yang teratur dan pelaksanaan-nya yang lancar.



Begini-lah keadaan kesesakan jalan raya yang di-alami pada sa-tiap waktu bekerja di-sekitar ibu negeri.



Semua pegawai dan kakitangan Kerajaan termasuk yang bergaji hari di-kehendaki menchatet masa mereka datang ka-pejabat pada sebelah pagi dan petang seperti kelihatan dalam gambar atas.

MAJLIS TAKLIMAT

Liputan: Timbang Bekar
Ja'afar Ibrahim
Jahri H.A.L.

ORANG RAMAI BERMINAT IKUTI LANGKAH K'JAAN

**BANDAR SERI BEGA-
WAN.** — Ketua Pegawai
Penerangan, Awang Haji
Badaruddin bin Pengarah
Haji Othman berkata ba-
hawa orang ramai di-
negeri ini sa-makin ber-
minat pada mengikuti
langkah2 kerajaan Keba-
wah Duli Yang Maha Mu-
lia yang berkeinginan un-
tuk mengujudkan satu sis-
tem pengudjian yang che-
kap, jujur lagi amanah.

BERKESAN

Kata-nya, minat tersebut
serentak dengan aspirasi
mereka terhadap jentera2
pentadbiran yang lebih
berkesan dengan pegawai2
dan kakitangan2-nya yang
cheqap, gigih dan bersung-

goih2 menunaikan tugas
serta tanggung-jawab.

"Mereka sudah menge-
tahui betapa kerajaan telah
mengetatkan kawalan ka-
atas masa bekerja ia-itu
kedatangan dan keluar ma-
sok pejabat," ujar-nya.

Berucap di-Majlis Tak-
limat anjoran Bahagian Pe-
nerangan yang di-sertai
oleh sa-ramai 30 orang
penduduk Mukim Kiang-
geh di-sini pada hari Kha-
mis lepas, Ketua Pegawai
Penerangan berkata yang
lebih penting lagi ia-lah
mereka mengetahui betapa
Kebawah DYMM telah
membuat undang2 men-
cheqah rasuah yang di-
kuatkuasakan sa-bagai sa-
tu Perintah Dharurat.

Menurut-nya, undang2
tersebut memang di-nanti-
kan dan di-harapkan oleh
ra'ayat untuk mengawal
serta membentasi amal-
an2 yang melemahkan pe-
jalan pentadbiran, me-
lumpuhkan perlaksanaan
dasar, menumpukan pen-
chapaian matalamat ran-
changan2 kerajaan bagi
faedah2 ra'ayat dan ne-
gara.

MENGALU2KAN

"Oleh itu ada-lah di-
perchayai sa-bilangan be-
sar orang ramai mengalu-
kan langkah yang di-ambil
oleh kerajaan sa-takat ini
yang bertujuan untuk
mengujudkan pentadbiran
yang cheqap, jujur lagi
amanah itu," jelas Awang
Haji Badaruddin.

Dalam pada itu, tambah
beliau, orang ramai hen-

dak-nya-lah memahami
bahawa kesan yang serta
merta dari langkah2 terse-
but tidak akan di-rasai sa-
penoh dalam perengkat
sekarang.

Walau bagaimana pun
kata-nya lagi, tanda2 pe-
ubahan suasana harian pe-
gawai2 dan kakitangan ke-
rajaan telah mula menam-
pakkan berikutan mereka
sudah melihat dan meya-
kini kesungguhan pehak2
tertinggi kerajaan dalam
langkah2 yang di-ambil sa-
takat ini.

TINGKAH LAKU

Akan tetapi, jelas-nya
langkah2 yang sa-chara se-
rious dan menyeluruh bagi
mengetatkan kawalan ka-
atas amalan2 dan tingkah
laku dalam perkhidmatan
kerajaan yang baru di-pe-
kenalkan itu sudah sa-ten-
tu-nya memerlukan waktu
untuk di-hayati dengan sa-
baik2-nya oleh semua pe-
hak yang berkenaan.

Menurut-nya lagi, apa
yang mustahak di-ambil
pada perengkat sekarang,
ia-lah semua pehak akan
dapat mengukuhkan keya-
kinan masing2 terhadap
niat baik kerajaan di-sa-
balek langkah2 yang di-
ambil hingga saat ini.

"Langkah2 tersebut ti-
dak mengurangkan hak
mana2 pehak dan mem-
berikan-nya kepada yang
lain bahkan ia merupakan
usaha pada menentukan
dan mematuhi sa-suatu
pada menurut hak-nya,"
jelas-nya.



KETUA Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin ketika memberikan taklimat kepada penduduk2 Mukim Kianggeh.

Satu kesalahan jika gagal tunjuk harga barang

**BANDAR SERI BEGA-
WAN.** — Ada-lah menjadi
kesalahan dari segi
Undang2 Kawalan Harga
kapada pekedai2 yang
tidak menaruh, menunjok-
kan atau membubuh harga
barang2 di-kedai2 mereka.

Pekedai2 atau penjual2
yang di-dapati tidak me-
naroh harga barang2 deng-
an sempurna-nya boleh di-
dakwa dengan di-kenakan
denda oleh Pihak Lemba-
ga Kawalan Harga di-
negeri ini.

Demikian telah di-tegas-
kan oleh Awang Chua
Ping Siong, Ketua Pegawai
Perangkaan, Pejabat Setia
Usaha Kerajaan ketika
menjawab soalan yang di-
kemukakan oleh salah sa-
orang peserta di-majlis
taklimat anjoran Bahagian
Penerangan di-sini pada

hari Khamis lepas.

Dalam hubungan ini
beliau juga telah me-
minta kerjasama agar
orang ramai akan
memberikan kerjasama
kapada pehak kawa-
lan harga dalam melapor-
kan sa-barang pekedai2
yang tidak mematuhi per-
aturan2 tersebut supaya
tindakan keras akan dapat
di-ambil kapada mereka
itu.

TIDAK TAKUT

Menurut-nya, kerjasama
orang ramai ada-lah sa-
ngat penting dalam per-
kara ini, dan untuk itu be-
liau berharap dan
penoh berharap kapada
orang ramai supaya tidak
akan takut2 pada melapor-
kan sebarang pekedai2
yang tidak menunjokkan



Awg Chua Ping Siong

perkara2 sa-demikian.

Awang Chua Ping Siong
dalam menjawab soalan
lain di-majlis taklimat ia-
itu mengenai dengan apa-
kah jenis barang2 yang di-
kawal oleh Lembaga Pe-
ngawal Harga, beliau me-
jelaskan bahawa jenis2
barang yang di-kawal itu ter-
masuk-lah yang besar ia-
itu seperti kereta, motor-
sangkut dan hingga kapada
seperti roti, gula, tepung,
cosmetic dan sa-bagai-nya.

DI-IMPOT

Menurut-nya, harga2 da-
ging di-negeri ini juga di-
kawal di-sebabkan yang
sumber2 daging di-impot
dari Australia.

Bagaimana pun, kata-
nya, harga2 ikan dan sa-
yor-sayoran serta barang
tempat tidak-lah termas-
ok kawalan dalam pehak
Kawalan Lembaga Harga.

Menyentuh tentang sa-
bahagian senarai harga2
barang yang di-keluarkan
oleh Pelita Brunei sa-ming-
gu sa-kali itu, Ketua Pe-
gawai Perangkaan itu sa-
lanjut-nya menjelaskan ba-
hawa ia-nya ada-lah ber-



BERGAMBAR ramai dengan Ketua Pegawai Penerangan dan lain2 pegawai penyelaras.

MAJLIS TAKLIMAT



PENGARAH Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad (No 2 dari kiri), Pemangku Timbalan Pengarah Pelajaran, Awang Haji Suni bin Haji Idris (kiri), Penolong2 Pengarah Pelajaran, Dayang Hajjah Misli dan Awang Mohd Dennis Haji Rosli.

Kurikulum dan sukatan pelajaran sekolah2 di-seragamkan

BANDAR SERI BEGA-
WAN. — Pengarah Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat menegaskan kurikulum dan sukatan pelajaran di-Sekolah2 Misi dan China di-negeri ini telah di-seragamkan dengan sekolah2 kerajaan.

Ini telah di-tegaskan di-Majlis Taklimat, anjoran Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan bertempat di-Bilik Persidangan, Jabatan Pelajaran pada hari Khamis lepas bagi menjawab soalan Haji Abdul Majid bin POKMR-DR Dato Paduka Haji Zainal yang ingin tahu sejauh mana shor2 Surohanjaya Pelajaran Baru 1972 di-laksanakan di-sekolah2 berkenaan.

Keseragaman itu, kata Pengarah Pelajaran, telah dapat di-chapai dalam pemeriksaan BJCE dan perekrut "O", dengan itu, perekrutan2 Junior dan Middle School yang terdapat sebelum-nya di-sekolah2 Misi dan China, di-tiadakan.

DI-LAKSANAKAN

"Chuma bahasa pengantar-nya sahaja belum berubah," kata-nya lagi.

Mengenai Bahasa Melayu sa-bagai bahasa pengantar di-sekolah2 berkenaan, Penolong Pengarah Pelajaran Dy Hajjah Misli bte Haji Awg pula menjelaskan, ia-nya belum dapat di-laksanakan sa-ratus peratus memandangkan Jabatan Pelajaran pada masa ini masih kekurangan guru berkenaan.

Namun demikian, menurut Dy Hajjah Misli, Jabatan Pelajaran telah berusaha

memperkenalkan Bahasa Melayu sejak tiga tahun lalu dengan menghantar guru2 Melayu ka-Sekolah2 Misi dan China di-seluruh negeri.

PENTADBIRAN

Untuk mengubah bahasa pengantar di-sekolah2 berkenaan, menurut beliau, tidak dapat di-lakukan sekali gus dari Bahasa Inggeris kepada Bahasa Melayu. Sa-balek-nya akan dapat di-ubah sedikit demi sedikit.

Menjawab pertanyaan Pg. Mohd. Salleh bin Pg. Bungsu mengenai pengam-bilan-aleh pentadbiran sekolah2 Misi dan China oleh kerajaan melalui Jabatan berkenaan, Pengarah Pelajaran menerangkan kedudukan itu, dari segi pentadbiran luar negeri memang ia-nya akan di-ambil aleh tetapi ini terpaksa mengambil masa yang panjang untuk penyelesaian.

Dari segi lain, kata-nya, Jabatan Pelajaran sudah pun mensekukan kurikulum dan sukatan pelajaran, seperti yang terkandung dalam Surohanjaya Pelajaran Baru 1972 telah pun di-laksanakan.

Sebab kenaikan harga barang

Dari muka 10

tujuan untuk menyenangkan dan sa-bagai garis pandu kepada orang ramai pada membolehkan mereka untuk membeli barang2 keperluan dengan harga yang murah.

Menjawab soalan lain yang di-timbulkan tentang

Menyentuh jawatan Penasehat Pelajaran yang di-timbulkan oleh Hj. Mohd. Daud bin Serudin, yang menurut-nya, sudah sampai masa-nya Jabatan Pelajaran tidak perlu kepada penasehat asing.

Menjawab soalan ini, Pengarah Pelajaran menegaskan mulai 14hb. Februari depan Kebawah DYMM akan 'memenchenkan' Penasehat Pelajaran tersebut.

SISTEM EJAAN

Tentang sistem ejaan baru pula Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad menjawab sa-bagai baik dan bagus.

Menurut-nya, Jabatan Pelajaran bukan lagi berminat atau berura2 untuk menyelaraskan penggunaan-nya dengan negara2 jiran, malah kerajaan sendiri telah membenarkan penggunaan-nya di-dalam pemeriksaan.

Bagaimana pun pehak yang lebih terlibat dengan sistem ejaan baru ini, kata-nya, ia-lah Dewan Bahasa dan Pustaka, sedangkan Jabatan Pelajaran cuma terlibat sedikit saja.

kenaikan harga2 barang yang begitu melambong tinggi di-negeri ini, Awg. Chua Ping Siong berkata bahawa ini ada-lah disebabkan kadar inflasi yang begitu tinggi di-hadapi oleh dunia pada waktu ini, harga2 minyak dan juga di-sebabkan oleh pengangkutan (transportation) yang terlalu mahal.

RANCHANGAN PERPINDAHAN :

Penduduk2 Kg. Kianggeh tidak terlibat

BANDAR SERI BEGA-
WAN. — Penduduk2 Kampong Kianggeh tidak akan terlibat dalam ranchangan perpindahan, kecuali orang2 yang benar2 di-fikirkan perlu saja. Demikian di-tegaskan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar ketika menjawab soalan yang di-kemukakan oleh salah sa-orang peserta dalam majlis taklimat penerangan yang di-anjorkan oleh Bahagian Penerangan di-sini pada hari Khamis lepas.

KAMPONG TERPUJI

Ketika menjelaskan tentang matalamat 'Kampong Terpuji' yang di-timbulkan oleh salah sa-orang peserta lain, Dato Paduka Awang Haji Abdullah berkata, ranchangan kampong terpuji ada-lah anjoran Bahagian Melayu Radio Brunei. "Antara lain matalamat-nya ada-lah sa-bagai galakan kepada penduduk2 kampong agar sama2 mengambil inisiatif dan me-

nyadari betapa penting-nya mengujudkan sikap ka-arah langkah2 yang terpuji seperti kebersehan kampong, memajukan bidang2 kemahiran, melazimkan kegiatan2 kebajikan dan sa-umpama-nya," ujar beliau.

PERANTARAAN

Terdahulu sa-belum itu, Dato Paduka Awang Haji Abdullah telah menerangkan sa-chara ringkas kepada peserta2 taklimat hari itu berhubung dengan peranan Pejabat Daerah.

Fungsi Pejabat Daerah dalam memainkan peranan-nya, kata beliau, adalah sa-bagai perantaraan di-antara orang ramai terutama-nya penduduk2 kampong dalam hubungan mereka dengan jabatan2 kerajaan yang lain. Kemudian hasil atau maklumat dari jabatan2 yang berkenaan akan di-salurkan kepada orang ramai melalui penghulu2 atau ketua2 kampong.

Di-samping itu, kata Pegawai Daerah itu lagi, tu-



Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Abdullah.

gas Pegawai Daerah sa-lain dari mentadbir hal2 yang berhubung dengan perkara di-atas, Pegawai Daerah juga di-pertanggung-jawabkan dalam beberapa lembaga dan penyelaras kerajaan.

Namun demikian, ujar beliau, tugas2 itu akan menjadi ringan dan segala ranchangan akan berjalan lancar dengan ada-nya sokongan dan kerjasama dari orang ramai.

RKN Ke-4: \$169.664 juta di-untukkan bena sekolah

BANDAR SERI BEGA-
WAN. — Dalam Ranchangan Kemajuan Negara ke-4 (1980-1984), kerajaan Kebawah DYMM telah memperuntukkan sa-jumlah \$169,664,000.00 bagi pembinaan lima buah sekolah menengah, dua buah sekolah kejuruteraan termasuk bangunan tambahan dan beberapa buah sekolah2 rendah kerajaan di-seluruh negeri.

PERUMAHAN

Menyatakan demikian kepada 30 orang penduduk Mukim Kianggeh di-Majlis Taklimat anjoran Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan bertempat di-Bilik Persidangan Jabatan Pelajaran, Penolong Pengarah Pelajaran, Awang Alihashim bin Haji Daud berkata, \$50 juta dari peruntukan tersebut ada-lah untuk pembinaan sa-buah Pusat Pengajian Tinggi yang di-jangka di-bina di-Daerah Tem-



Awang Alihashim bin Haji Md. Daud.

burong.

Di-samping itu kata-nya, kerajaan juga memperuntukkan sa-jumlah \$18,890 juta bagi pembinaan perumahan guru2 di-seluruh negeri.

SEKOLAH RENDAH

Sekolah2 menengah yang akan di-bina dalam sessi ke-4 Ranchangan Kemajuan Negara itu, kata-nya, ia-lah Sekolah2 Menengah di-Belait, Temburong, Tu-

tong, Muara dan Sengkurong yang di-anggarkan menerima peruntukan \$56.140 juta.

Pembinaan sekolah2 rendah pula, kata Awang Alihashim, di-kawasan Daerah Brunei dan Muara terbahagi kepada dua. Sekolah2 rendah di-Kampong Ayer mendapat peruntukan \$13,650,000.00 dan sekolah2 pendalaman berjumlah \$28,914,000.00.

PENGAJIAN TINGGI

Di-Daerah Tutong sa-banyak \$9 juta telah di-peruntukkan bagi pembinaan empat buah sekolah rendah. Sementara di-Daerah Belait untuk pembinaan sekolah2 rendah berjumlah \$7,960,000.00. Di-Daerah Temburong, menurut-nya, tidak ada sekolah rendah akan di-bina dalam Ranchangan tersebut, bagaimana pun, sa-buah Pusat Pengajian Tinggi di-jangka akan di-bina.



Pegawai LKE lawat Shell

SERIA. — Shell Brunei baru2 ini telah menerima kunjungan lima orang kakitangan dari Lembaga Kemajuan Ekonomi, Bandar Seri Begawan dalam satu siri lawatan kenalusai.

Di-sini mereka telah diberi penerangan mengenai kemudahan2 alat mesin "word processor". Kemudian di-ikuti dengan pertemuan soal jawab dengan FOS dan FIC.

Mereka itu juga di-bawa melawat ka-beberapa bahagian seperti ka-bahagian pentadbiran, sistem memperoses perka-taan OIS/140 dan juga ka-sistem 30 di-Jabatan Perancangan Kakitangan. Dan mereka juga di-beri peluang memerhati pengendalian "word processor" di-FOS.

Gambar kanan menunjukkan pegawai2 di-Jabatan Lembaga Ekonomi itu sedang mendengar dan memerhati tunjuk-chara oleh Puan Jenny Foo dari FIC/4 mengenai dengan penggunaan mesin pencetak wang.



Tiga dari 19 buah tangki yang telah siap.



Tiga buah tangki siap

SERIA. — Sharikat Minyak Shell Brunei, akan membena 19 buah tangki untuk menyimpan 10,000 tong sa-hari bagi kilang baru di-sini. Tiga buah tangki penyimpanan yang pertama telah pun siap di-bena di-kawasan tersebut.

Untuk memudahkan lagi kerja2 pembenaan itu di-jalankan, Jalan Lorong 2 timur telah di-tutup kepada lalu-lintas buat selama2-nya.

Pemborongan untuk membena tangki tersebut telah di-benarkan kepada Jurong Engineering dari Singapura. Kerja2 menyiapkan ke-semua 19 buah tangki tersebut di-jangka selesai akhir tahun ini.

Peluang memasoki Skim Juruteknik LNG

SERIA. — Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad akan menjalankan satu latihan intertek pengambilan di-seluruh negeri untuk memasoki Skim Juru2 Teknik Operasi di-BLNG, yang mana pengambilan tersebut telah bermula di-bulan ini.

Pemuda2 lepasan sekolah yang sudah menamatkan pelajaran mereka dalam tingkatan lima dan lulus dalam mata2 pelajaran Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab dan dua mata pelajaran sains ada-lah di-pelawa untuk memohon skim ini.

Tujuan utama pembentokan skim ini ia-lah untuk melengkapkan anak2 muda tempatan dengan kemahiran yang berguna dalam ilmu pengetahuan teknikal supaya mereka boleh menjalankan alat kelengkapan yang moden dan sophisticated sama ada dalam bidang proses atau utilitis di-kilang tersebut.

Untuk lebih memudahkan

kapada pemuda yang berminat dalam skim ini satu cheramah telah di-adakan oleh wakil2 dari Jabatan Perancangan Kakitangan di-Sekolah SMJA Bandar Seri Begawan, dan di-SRC di-Seria pada hari Jumaat 15hb. Januari lepas.

Oleh yang demikian borang2 permohonan yang di-serai dengan keterangan2 atau perkara2 yang penting seperti umur, taraf keraayatan dan kelulusan peperiksaan yang telah

di-amal hendaklah di-hantar kepada Jabatan Perancangan Kakitangan BSP.

Bagi pekerja2 yang sedang berkhidmat dan dalam kumpulan tidak melebihi 12, berumur 18 hingga 23 tahun pada 1hb. April 1982, serta mempunyai kelayakan2 kelulusan dan berminat dalam skim ini, di-kehendaki berhubung dengan dengan keterangan2 atau perkara2 yang penting seperti umur, taraf keraayatan dan kelulusan peperiksaan yang telah

Penemuan di-Pelican

SERIA. — Pelican 2X telah menjadi telaga penemuan eksplorasi yang ketiga bagi tahun 1981, apabila rekod "wireline" telah diambil sa-dalam 7245 kaki menemui kira2 160 kaki rangkaian gas pasir dan 50 kaki rangkaian minyak pasir dalam

jarak dari 3500 kaki hingga 5800 kaki.

Pada penghujung bulan Disember tahun lalu, tabung yang berukuran kira2 9 inci telah di-pasang dan telaga itu akan di-gerudi hingga ka-jumlah kedalaman di-ulkan 11 hingga 740 kaki.

Pegawai-Pegawai yang naik pangkat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perjawatan telah mengumumkan kenaikan pangkat pegawai2 kerajaan dari bahagian IV ka-atas baru2 ini.

Sa-ramai lapan orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei telah di-naikkan pangkat kapada berbagai-bagai jawatan dalam bahagian III.

Tiga orang telah di-naikkan pangkat sa-bagai Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, mereka itu ia-lah Awang Abdul Hamid bin Hj. Tamat @ Awang Hj. Damit, Awang Hj. Ahmad bin Abd. Razak dan Awang Hj. Alias bin Pengarah Hj. Jalil.

Awangku Ibrahim bin Pengiran Hj. Kahar @ Awangku Jamaluddin, Dayang Maimunah bte Hj. Othman, dan Awang Abd. Rahman bin Hj. Matasari, Guru Ugama Terlatih di-naikkan pangkat ka-jawatan sa-bagai Pegawai Kesejahteraan Penuntut ia-itu jawatan dalam bahagian III.

Sementara itu sa-orang lagi di-naikkan pangkat ka-jawatan sa-bagai Pendaftar Mahkamah Kadi ia-itu Awang Mohammad bin Hj. Gemok dan Awang Matnoor bin Jumat di-naikkan pangkat sa-bagai Pengawas Tingkat Khas jawatan dalam bahagian III di-jabatan yang sama.

Dayang Mariam bte Abdullah, Awang Hj. Salam bin Dagong @ Adini, dan Awang Besar bin Hj. Matussin Pegawai Pemereksa

Jabatan Kastam telah di-naikkan pangkat sa-bagai Penyelia (Luar) di-jabatan tersebut bermula pada 1 hb. Mei lepas.

Sa-puluh orang pegawai dari beberapa buah jabatan kerajaan telah di-naikkan pangkat jawatan dalam bahagian III dan kini di-tugaskan di-Jabatan Pengangkutan Darat yang bermula pada awal bulan Mei lalu.

Dua orang Pegawai Pemereksa Kereta di-Jabatan Pengangkutan Darat juga di-naikkan pangkat sa-bagai Pegawai Melesen di-jabatan berkenaan. Mereka itu ada-lah Awang Hassan bin Abd. Rajak dan Awang Md. Hussin bin Hj. Ali.

Sementara itu lapan orang pegawai telah di-naikkan pangkat sa-bagai Pemereksa Kereta2 di-Jabatan tersebut ia-itu jawatan dalam bahagian III.

Mereka yang di-lantik itu terdiri dari Awang Abu Bakar bin Baif, Awang Md. Said bin Ismail @ Mohd. Said, Awang Masri bin Ja'far @ Japar, Awang Zailani bin Arshad, Awang Mohd. Sa'at bin Hj. Abd. Latif @ Ahmad, Awang Abu Bakar bin Taha, Awang Abd. Rahman bin Mohammad/Mohamad dan Awang Abu Salim bin Dato' Mar-sal.

Di-samping itu sa-ramai sembilan orang dari Jabatan Perubatan dan Kesihatan telah di-naikkan pangkat ka-berbagai-bagai jawatan dalam bahagian III.

Malai Abdullah bin Malai Othman, Pembantu Rumah Sakit di-lantik sa-bagai Ketua Jururawat Kesihatan Penyakit Otak jawatan dalam bahagian II yang bermula pada 18 hb. Febuari lepas.

Manakala Pengiran Ahmad bin Pengiran Mustapa @ Pengiran Bongsu, Dayang Sylvia Adusto, Dayang Leong Sio Keow nee Ting Soi Keow dan Awang Hj. Abd. Manaf bin Besar @ Hj. Manap di-naikkan pangkat sa-bagai Ketua Jururawat.

Tiga orang Pembantu Rumah Sakit Terlatih telah di-lantik sa-bagai Pembantu Rumah Sakit Kanan yang bermula pada awal bulan Mei Lepas. Mereka ia-lah Awang Haji Sapli bin Hj. Besar, Awang Rosli bin Ma'aruf @ Mahrup dan Awang Hj. Mokim bin Hj. Hassan. Sementara sa-orang Jururawat Gigi di-Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei Dayang Fatimah bte Haji Abdul Aziz @ Rose Bell di-naikkan pangkat sa-bagai Jururawat Kanan (Gigi) di-jabatan yang sama.

Manakala tiga orang Jurutayang/Pemandu di-Bahagian Penerangan Jabatan Setia Usaha Kerajaan di-lantik sa-bagai Jurutayang Kanan. Mereka itu ia-lah Pengiran Bahar bin Pengiran Ahmad, Awang Hassan bin Ja'far dan Awang Damit bin Taha @ Tengah.

Dua orang Pegawai Yang Menguasai Lalu Lintas Udara Tingkat III telah di-naikkan pangkat sa-bagai Pegawai Yang

Menguasai Lalu Lintas Udara Tingkat II di-Jabatan Pener-bangan Awam. Mereka itu ia-lah Awang Tajudin bin Hj. Kasah dan Awang Mohd. Daud bin Hj. Abdul Aziz.

Dua orang Kerani Tingkat III telah di-naikkan pangkat sa-bagai Pegawai Luar Perpindahan ia-itu jawatan dalam bahagian III. Mereka ia-lah Awang Hj. Mohd. Ali bin Mohammad, dan Awang Hj. Mohd. Salleh bin Hj. Mohd. Yassin.

Sementara Awang Mohd. Ja'far bin Dato' Paduka Hj. Nor-din di-naikkan pangkat sa-bagai Pengurus Peruntukan di-Jabatan RTB dan Awang Hamzah bin Hasan @ Hassan di-lantik sa-bagai Jurutera Pengawas di-Jabatan Letrik. Kedua2 jawatan tersebut dalam bahagian II.

Manakala dua orang dari Pe-jabat Adat Istiadat Negara di-naikkan pangkat ka-jawatan dalam bahagian III. Mereka ia-lah Awang Manshor bin Hj. Metahir sa-bagai Penolong Setia Usaha Adat Istiadat dan Awang Rajab bin Talip di-naikkan pangkat sa-bagai Penolong Pegawai Protokol di-jabatan tersebut.

Sa-ramai 26 orang Kerani Tingkatan III di-beberapa buah jabatan kerajaan telah di-naikkan pangkat sa-bagai Kerani Tingkatan II jawatan dalam bahagian III yang bermula pada awal bulan Jun lepas.

Mereka ia-lah Dayangku Chuchu bte Pengiran Hj. Mohd. Daud, Awang Abd. Wahab bin Jali, Awang Zainidin bin Mohi-din, Awang Abd. Halim bin Jumat, Awang Mohidin bin Mohd. Yusoff, Awang Abd. Rahman bin Hj. Abd. Latif, Awang Aklil bin Hj. Nayan, Awang Saini bin Mokti, Awang Tengah bin Mohd. Yusoff, Awang Mohd. Alias bin Ibrahim, Awang Hussin bin Hj. Damit dan Awang Sharihan bin Dato Hj. Alikhan.

Awang Bakir bin Kunal, Pengiran Ismail bin Pengiran Hidup, Awangku Ahmad bin Pengiran Ibrahim, Awang Hj. Mohd. Yusoff bin Mastan, Awang Sofyan bin Abdullah @ Kulul bin Raga, Awang Ahmad bin Hj. Munchong, Awang Mohd. Tuah bin Sundit, Awang Abu Bakar bin Abd. Rahman, Awang Ismail bin Mohammad, Pengiran Madin bin Pengiran Metassan, Awang Mohd. Zam bin Ja'far, Pengiran Damit bin Pengiran Chuchu, Awang Zainidin bin Narudin dan Awang Abdullah bin Matali.

Manakala Awang Yahya bin Taha @ Awang Jaya, Kerani Tingkatan III dari Pejabat Daerah Brunei dan Muara telah di-naikkan pangkat sa-bagai Merinus Melesen Luar Perban-daran di-jabatan yang sama bermula pada awal bulan Mei lepas. Awang Mohammad Yaman bin Besar Tukang Pelan di-lantik sa-bagai Tukang Pelan Kanan di-Jabatan Kerja Raya dan Awang

Abd. Rajak bin Hj. Mohd. Taha di-lantik menjadi Tukang Chelup, jawatan dalam bahagian III di-Jabatan Muzium.

Awang Subaim bin Besar Merinus Bendaran di-naikkan pangkat sa-bagai Pegawai Penaksir Rumah di-Jabatan Bendaran, Awang Puteh bin Jakin di-lantik sa-bagai Pegawai Perangkaan Rendah di-Jabatan Buroh dan Awang Tengah bin Abdullah sa-bagai Pengusaha Pos di-Pejabat Pos. Sementara Awang Murni bin Hj. Awang Besar di-lantik sa-bagai Penter-jamah Kanan bagi Pasokan Pulis Diraja Brunei.

Naik Pangkat

PERKHEMAHAN BERAKAS.

— Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah memperkenankan menetapkan jawatan Leftenan Kolonel Tetap bagi dua orang pegawai Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei.

Mereka ia-lah Leftenan Kolonel Pehin Dato Maharajalela Dato Seri Laila Jasa Hap Musa bin Haji Ya'akub dan Puan Latchan dan Leftenan Kolonel Pehin Dato Harimaupadang Dato Seri Laila Jasa Hap Hussin bin Ahmad dari RHQ.

Penetapan jawatan tersebut bermula pada 1hb. Januari, 1982.



KEDENGARAN riuh rendah gelak ketawa dan tepakan gemuruh, apabila kelihatan golongan tua membawakan beberapa buah tarian di-pesta ria, kerana meraikan kemenangan Kampung Terpuji, Kampung Labu Estate Daerah Temburong baru2 ini, anjoran Bahagian Melayu Radio Talivishen Brunei. Pada hadhirin ikut terhentak2 kaki, mengikuti irama tarian zapin dan joget yang di-persembahkan oleh penduduk2 kampung tersebut. Kampung Labu Estate merupakan kampung terbaik, dan mendapat hadiah dari Bahagian Melayu RTB.

Kampung Telisai, Daerah Tutong, baru saja meraikan hari kemenangan-nya pada hari Sabtu lepas, 16hb Januari 1982, dan bagi Kampung Bukit Sawat, Daerah Belait, akan mengadakan hari kemenangan-nya pada hari Sabtu depan, 23hb Januari 1982 jam 2.00 petang.

SIRI2 baru: EIGHT IS ENOUGH (kiri) yang menggambarkan kisah problem satu keluarga yang mempunyai lapan orang anak yang umur mereka di-antara 10 hingga 26 tahun. Siaran-nya akan bermula pada hari Jumaat ini jam 7.15 malam. Sementara gambar bawah ialah siri FOUL PLAY, satu drama komedi yang di-bintangi oleh Barry Bostwick dan Deborah Raffin. Tayangan-nya bermula malam ini jam 7.15 malam.



Sandiwara radio:

"PERTEMUAN"

oleh: A. Osman Timbang

Minggu ini Radio Brunei akan mengemukakan sa-buah lagi sandiwara yang berjudul 'PERTEMUAN' karya A. Osman Timbang Brunei.

Kali ini kita akan berhadapan dengan masalah yang berkisar di-kalangan keluarga yang berada. Mazlan, watak utama dalam kisah ini, merasa terganggu fikiran-nya bila mengetahui yang ayah-nya sudah meninggal sejak ia berada di-luar negeri ketika membuat pengajian-nya.

Kerana pemergian ayah-nya itu, Mazlan terpaksa mengambil-aleh tugas ayah-nya di-sharikat kepunyaan mereka. Ketika Mazlan belajar di-luar negeri, ibu-nya Rosnah telah mengambil Suzi sa-bagai pembantu-nya di-rumah.

Suzi telah mendapat kerja di-sebuah sharikat yang kebetulan kepunyaan Mazlan. Selama ini Suzi tidak tahu yang majikan-nya itu sa-benar-nya anak kapada Rosnah yang di-anggap-nya seperti ibu-nya sendiri. Begitu juga pada Mazlan.

Rosnah mengidap sa-jenis penyakit yang menghalang-nya dari berjalan sa-chara biasa. Ia ingin sekali hendak memperkenalkan Mazlan kapada Suzi dan akhir-nya terlaksana

juga hasrat-nya itu. Kedua2-nya sungguh terkejut bila mengetahui yang mereka sa-benar-nya tinggal sa-bumbong.

Ibu Mazlan mengharapkan agar Mazlan berumah-tangga memandangkan diri-nya sudah tua. Satu pilihan telah pun di-buat dan hanya menunggu keputusan dan persetujuan dari Mazlan. Siapa-kah gadis pilihan ibu-nya itu? Setuju-kah Mazlan dengan

chadangan ibu-nya itu? Dan apa-kah yang di-maksudkan dengan tajok PERTEMUAN dalam kisah ini?

Untuk mendapat kesudahan-nya awda pendengar kami silakan untuk mengikuti siaran-nya yang akan ka-udara pada 24hb. Januari, 1982 jam 10.30 pagi.

Terbitan sandiwara ini akan di-usahakan oleh Dk. Maskupah Pg Tajuddin.

Radio programme

English section

FAIR Ways of Golf on Sunday 24th January at 11.45 a.m. — In this series of programme Renton Laidlaw, with the help of a number of well-known golfing personalities, traces the origin of the game and examines those rules which tend to cause most controversy. Incidentally, the rules come up for revision

every four years and this series in corporates those alterations introduced in 1980.

World of Books — on Friday at 8.00 pm. Among the Books featured in the programme are "The Elephant that Swallowed a Nightingale", 'Skulls' and 'Thomas Cook Travel Book Award'.

RANCHANGAN TVP DARI 26HB. HINGGA 31HB. JAN.

SELASA — 26HB JAN

PAGI

8.50 LOOK, LISTEN AND SPEAK 2. (My Family)
Dalam ranchangan kedua ini Jay Jay di-ajar beberapa perkataan yang bermula dengan huruf 'b' dan Izat menunjukkan gambar2 ahli keluarga-nya kapada Jay Jay dan Gani.

Ranchangan ini juga di-isikan dengan lagu2 dan sa-buah cerita.

9.20 SAINS DAN HIDUPAN DI-BRUNEI (Tumbuhan dan Kegunaan-nya)
Tumbuhan yang terdapat di-permukaan bumi ini ada-lah sangat banyak. Kebanyakan daripada tumbuhan itu boleh kita bahagikan kapada dua sistem akar dan sistem batang. Sistem akar dan sistem batang pula terdiri dari beberapa bahagian yang mempunyai tugas tersendiri.

1. Apa-kah bahagian2 itu?
2. Apa-kah tugas-nya?

Ranchangan ini boleh memberi jawapan kapada soalan2 di-atas. Untuk mengetahui-nya jangan lupa untuk mengikuti ranchangan ini.

10.30 KAP KAP UDANG 529.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 seperti BERLAKUN, TUNJOK BENDA, SI-MANIS, BERSENAM, GAMGAR DARI RUMAH dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 529.

RABU — 27HB JAN

PAGI

8.50 SIARAN ULANGAN — "LOOK, LISTEN AND SPEAK" (My Family)
9.20 SIARAN ULANGAN — SAINS DAN HIDUPAN DI-BRUNEI (Tumbuhan dan Kegunaan-nya)

10.30 KAP KAP UDANG 530.
Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 seperti MAIN MUZIK, PETI SURAT, KAJIAN SA-MULA JADI, BERSENAM, MAIN BANG dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 530.

KHAMIS — 28HB JAN

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 531.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 seperti MAIN BAKUL, SI-AMIN, MENEKA BUNYI, MAIN BOLA, BERCERITA dan CHERMIN SAKTI.
Tajok cerita Che'gu Rokiah ia-lah Sang Kanchil dengan Gergasi.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 531.

JUMAAT — 29HB JAN

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 seperti NAIK KUDA, MENEKA BUNYI, JIG-SAW, MAIN BOLA, BERCERITA dan CHERMIN SAKTI.
Tajok cerita Che'gu Rokiah hari ini ia-lah Orang Kaya dengan Dua ekor anjing.

SABTU — 30HB JAN

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 532.
Ranchangan hari ini di-muati dengan aktiviti2 seperti IKUT KETUA, YANG MANA GANJIL, AMINAH, MAIN BAKUL, RUANGAN BINA-TANG dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 532.

AHAD — 31HB JAN

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG
Ranchangan ini akan di-muati dengan aktiviti2 seperti BOLA TUMBOK, MAIN KIM, AMINAH, BELON SI-MANIS, KAJIAN SA-MULA JADI dan CHERMIN SAKTI.

PERHATIAN:

Pada hari Isnin 25hb Januari, 1982 — Chuti Tahun Baru China, Ranchangan TVP tidak akan di-siarkan.

ranchangan2 RADIO

WAKTU SIARAN :

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam sa-tiap hari.

SIARAN F. M. STEREO

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

TIAP2 HARI :

PAGI :

6.00-6.02 Allah Peliharakan Sultan
6.05 Sinaran Wahyu
6.15 Dendang Suria
6.45 Berita
6.50 Dendang Suria

TENGAHARI

12.00-12.45 Sajian Tengah Hari (Mempersembahkan lagu stereo)

MALAM/TENGAHARI

1.30/1.00 Majallah Brunei, siaran asal dan ulangan (kechuali hari Khamis)

PETANG

6.00 Siri Muktaddam
Bingkisan Hari Ini
Siaran langsung
menunaikan sembahyang Fardhu
Maghrib.

MALAM

10.15 Bachaan Al-Kor'an
10.24 Do'a Restu
10.29 Allah Peliharakan Sultan

WARTA BERITA :

6.45 pagi (Berita2 dalam dan luar negeri)
10.00 pagi
12.45 tengahari
1.30 tengahari (tiap-tiap hari Jumaat)
5.30 petang
8.00 malam
8.15 malam (Berita2 dalam Bahasa Dusun dan Iban)
9.30 malam (Berita Dunia dari BBC London)

Menyiarkan AZAN:

Dzohor
Asar
Maghrib
Isha.

HARI RABU

20HB JAN. 1982

PAGI: 7.00 — Panduan Sokan, 7.30 — Sudut Pelita, 8.30 — Taman Mekar, 9.00 — Permintaan Pagi Rabu, 10.15 — Rampaian Joget, 10.30 — Surat Dari London, 10.45 — Riang Ria — 11.00 — Dendang P. Ramlee, 11.30 — Autograph Pendengar. T/HARI: 1.30 — Seloka Merpati (SU). PETANG: 2.00 — Dunia Wanita, 2.30 Chitra Irama, 3.15 — Hiboran Petang, 3.30 — Gazal 4.00 — Bangsa-wan di-udara, 4.30 — Senandung Budaya, 4.45 — Rimba Raya, 5.00 — Serbanika Hiboran, 5.45 — Rampaian Asli, 6.40 — Senandung Senja. MALAM: 7.00 — Rangkaian Lama dan Baru, 8.30 — Permintaan Sukaramai, 9.00 — Belia Mewakili Zaman-nya, 9.45 — Kenangan Mengusik Jiwa.

HARI SABTU

23HB JAN. 1982

PAGI: 8.30 — Pelajaran Dewasa Di-Udara, 9.00 — Riang Ria, 9.15 — Soalan Di-Udara (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.10 — Varia Peristiwa, 10.30 — Rampa Sari, 11.30 — Hiboran Untuk Adek-Adek. T/HARI: 1.30 — Lagu2 Dari Filem, 1.45 — Muzium Di-Udara. PETANG: 2.00 — Permintaan Hujung Minggu, 3.15 — Apa Pendapat Awda/Aneka Lagu, 3.30 — Cherpen dan Salokan, 4.00 — Mutiara Asli, 4.30 — Fukas Radio, 5.00 — Rangkaian Lama dan Baru, 5.45 — Senandung Senja, 6.15 — Lagu2 Asli. MALAM: 7.00 — Titian Budaya, 7.15 — Selangan Irama, 8.30 — Chitra Irama, 9.00 — Bangsa-wan Di-Udara (SU), 9.45 — Hiboran Malam Minggu

HARI AHAD

24HB JAN. 1982

PAGI: 7.00 — Panduan Sokan, 7.30 — Intisari, 8.30 — Majallah Radio (SU), 9.00 —

Taman Mekar, 9.30 — Suara Kugiran, 10.15 — Titian Budaya, 10.30 — Sandiwara Radio, 11.00 — Mutiara Asli, 11.30 — Dunia Wanita T/HARI: 12.00 — Taaniah dan Uchap Selamat, 12.30 — Menghibor Awda, 1.00 — Permintaan Dua Station. PETANG: 2.00 — Selayang Pandang (SU), 2.30 — Seloka Merpati, 3.10 — Panduan Sokan, 3.20 — Irama Gembira, 3.30 — Majallah Sokan, 4.00 — Chitra Wara, 4.30 — Tetamu Radio, 5.00 — Senandung Seloka, 5.45 — Senandung Senja, 6.15 — Irama Dakwah. MALAM: 7.00 — Hiboran Ria, 8.30 — Suara Perajurit, 9.00 — Gema Keronchong (SU), 9.45 — Di-Buang Sayang (Permintaan Lagu2 Lama).

HARI ISNIN

25HB JAN. 1982

PAGI: 8.30 — Serbanika Hiboran, 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Berdendang Dengan-Ku, 10.30 — Sains dan Perusahaan, 11.00 — Permintaan Sukaramai. T/HARI: 1.30 — Senandung Seloka (SU). PETANG: 2.00 — Kenangan Mengusik Jiwa (SU), 2.30 — Mari Berpantun

(SU), 3.15 — Rampaian Joget, 3.30 — Untuk Pak-Tani, 4.00 — Dendang Remaja, 4.30 — Ruangan Ketani, 5.00 — Pilehan Juruhebah, 5.45 — Lagu2 Rampaian, 6.15 — Senandung Senja. MALAM: 7.00 — Senandung Ria, 8.30 — Ku Tujukan Lagu, 9.45 — Langgam Suara.

HARI SELASA

26HB JAN. 1982

PAGI: 8.30 — Suara Perajurit (SU), 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Permintaan Kaum Wanita, 10.15 — Lagu2 Berirama Hindustan, 10.30 — Rampaian London, 10.45 — Hiboran, 11.00 — Autograph Pendengar, 11.30 — Gazal. T/HARI: 1.30 — Lukisan Masharakat (SU). PETANG: 2.00 — Ku Sampaikan Salam, 3.15 — Gema Silam, 3.30 — Suara Kugiran, 4.00 — Belia Mewakili Zaman-nya, 4.30 — Bintang2 Awda, 5.00 — Varia Peristiwa, 5.15 — Menghibor Awda, 5.45 — Senandung Senja, 6.15 — Lagu2 Dakwah. MALAM: 7.00 — Fukas Radio (SU), 8.30 — Permintaan Sukaramai, 9.00 — Ruangan Ketani, 9.45 — Senandung Malam.

HARI KHAMIS

21HB JAN. 1982

PAGI: 8.30 — Hiboran untuk adek2, 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Penglipor Lara, 10.30 — Rampaian London, 10.45 — Aneka Lagu, 11.00 — Permintaan Suka Ramai. T/HARI: 1.30 — Chitra Wara (SU). PETANG: 2.00 — Ira Kenchana, 2.30 — Tetamu Radio (SU), 3.15 — Hiboran Petang, 3.30 — Rimba Raya, 3.45 — Instrumental Ingeris, 4.00 — Sandiwara Radio, 4.30 — Majallah Ugama, 5.00 — Persembahan Lagu2 Gambus, 5.45 — Lagu2 Nasehat, 6.45 — Irama Dakwah. MALAM: 7.00 — Bachaan Surah Yassin, 7.15 — Lagu2 Beirama Gambus, 8.30 — Tafsir Al-Koran, 9.45 — Hidayat.

HARI JUMAAT

22HB JAN. 1982

PAGI: 8.30 — Majallah Radio, 9.00 — Suara Gambus, 9.30 — Tafsir Al-Koran, 10.15 — Soalan Di-Udara, 10.30 — Lagu2 Nasehat, 10.45 — Muzium Di-Udara, 11.00 — Pelajaran Dewasa Di-Udara, 11.30 — Bimbingan Al-Koran. T/HARI: 12.00 — Lagu Dakwah, 12.30 — Siaran Langsung Menunaikan sembahyang Jumaat, 1.15 — Lagu2 Nashid, 1.45 — Lagu2 Timor Tengah. PETANG: 2.00 — Lukisan Masharakat, 2.30 — Bintang2 Awda, 3.15 — Panduan Sokan, 3.20 — Apa Pendapat Awda/Hiboran, 3.30 — Permintaan Jiran Tetangga, 4.00 — Untuk Pak Tani, 4.30 — Langgam Suara, 5.00 — Suntingan Khutbah Jumaat, 5.15 — Pilehan Juruhebah, 5.45 — Senandung Senja, 6.15 — Irama Dakwah. MALAM: 7.00 — Cherpen dan Salokan, 8.30 — Selayang Pandang, 9.00 — Soal Jawab Ugama (SU), 9.45 — Mari Berpantun.

RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

EVENING

Wednesday

CLASSICAL MUSIC NIGHT

P.M.

8.00 Mendelssohn: Fingal's Cave Overture
8.45 The Carnival of the animals
9.30 Tchaikovsky: Piano Concerto No. in G (3rd movement). Borodin Polovtsian Dances. Handel: Suites for the Harpsichord.

Daily

A.M.

7.00 BBC and Local News
7.15 Musical Hour
8.15 Radio Newsreel
11.00 Ladies At Eleven — except holidays
12.00 Lunch Break until 1.30 — except holidays

P.M.

8.30 Radio Newsreel
9.15 News.

HOLIDAYS — Friday

A.M.

11.00 Practical World — Energy from Earth
11.15 Light Music from The Netherlands

Thursday

P.M.

8.00 Hello Tomorrow
8.45 Perspective
9.30 Rock Line: featuring Duran Duran, Dramatics and Soft Cell
9.00 Story time: Three Men In A Boat by Jerome K. Jerome

Saturday

P.M.

8.00 Hits In Germany
8.45 Fact or Fantasy (repeat)
9.30 Top Of The Pops.

11.30 Children's Half Hour

12.00 Soundtrack of The Sixties

12.45 My Music

1.15 BBC Sports Magazine — includes: Female cricket commentator Shandra Nayudo, Boxing Superstar — Mohammad Ali.

8.00 The World of Books
8.45 International Money Programme

9.00 Strictly Instrumental — featuring Richard Claydeman piano and orchestra.
9.30 Stringsound

Sunday

A.M.

11.00 Museum on the Air

Monday

8.00 Dateline
8.45 Up The Belait Without A Paddle
9.30 Thirty-Minute Theatre: "A Cry... Almost A Scream" by Jane Benson

Tuesday

JA'AFAR'S POP MUSIC NIGHT

P.M.

8.00 Just For You
8.30 Radio Newsreel
9.00 Just For You (continued)
9.30 Stereo Pop Special — "Def Leppard" — 231

11.15 Big Band Sound — featuring SBC Orchestra.

11.45 Fair Ways of Golf written and presented by Renton Laidlaw.

12.00 "Fact or Fantasy"

12.45 Interlude

1.00 Top of The Pops.

TAJUL'S STUDENT NIGHT

P.M.

8.00 Science Pop
8.15 Fair Ways of Golf (repeat)
8.45 World of Education — takes a look at Teaching the Violin — the Suzuki Way.

9.00 We would like to know

9.30 Drama: The Count of Monte Cristo by Alexandre Dumas.

PEGAWAI2 JABATAN LAUT BERKURSUS

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang pegawai Jabatan Laut Brunei telah menamatkan kursus mereka di-Marine Training School, Labuan, Sabah sa-lama tiga bulan baru2 ini.

Mereka ia-lah Awang Yahya bin Budin (Serang Tingkat Khas) memperoleh sijil kecekapan 'Master of a Local Trade', manakala Awang Tengah bin Abdul Halim (Juru-tera Tingkat I) memperoleh sijil kecekapan 'First Class Engine Driver' (Motor).

Kedua2 mereka telah pun mengikuti kursus tersebut yang bermula pada 30hb September 1981 dan berakhir pada 7hb Januari 1982.

Sementara itu dua orang lagi mengikuti kursus yang sama sa-lama tiga bulan yang bermula pada 2hb Januari 1982 lepas. Mereka ia-lah Awang Masri bin Sapar (Serang Tingkat Khas I) mengikuti kursus sijil kecekapan 'Master of a Local Trade' dan Pg Sabtu bin Pg Badad (Juru-tera Tingkat I) mengikuti kursus sijil kecekapan 'First Class Engine Driver' (Motor). Kursus tersebut di-hadiri melalui sekim latehan dalam perkhidmatan, Jabatan Laut Brunei.

UKOR PETA

Menurut Awang Yahya bin Budin antara mata pelajaran di-kursus yang di-hadiri-nya itu termasuklah mengukur peta laut, sukatan berat muatan kargo ka-kapal, mempelajari kompas dan undang2 pelayaran.

Sa-takat ini beliau telah pernah mengikuti kursus sa-banyak tiga kali. Kursus yang pertama di-Kuala Belait yang di-kelolakan oleh Sharikat Minyak Shell Brunei berhad dalam tahun 1960 sa-lama dua bulan, manakala peperiksaan di-adakan di-Labuan.

Pada tahun 1970 beliau mengikuti kursus di-Labuan sa-lama dua bulan dan yang terakhir ia-lah kursus baru2 ini. Awang Yahya telah mula berkhidmat dengan Jabatan Laut Brunei pada tahun 1951.

Manakala Awg Tengah bin Abdul Halim pula telah mengikuti kursus asas termasuk ilmu kira2, lukisan teknik dan kursus amali mengenai jentera ka-

pal yang mempunyai kekuatan sa-ribu kuasa kuda.

Dengan memperoleh sijil kecekapan 'First Class Driver', Awg Tengah boleh memandu kapal sa-hingga di-sekitar perayeran negara2 Asean.

Sa-takat ini beliau telah pernah mengikuti kursus sa-banyak tiga kali. Kursus yang pertama dalam tahun 1959 di-Kuala Belait atas kelolaan Sharikan Minyak Shell Brunei Berhad, manakala peperiksaan di-adakan di-Labuan.

Pada tahun 1970 Awang Tengah mengikuti kursus di-Labuan sa-lama dua bulan, dan kursus yang terakhir yang baru lalu. Awang Tengah mula berkhidmat dengan Jabatan Laut Brunei pada 19hb Januari 1956.



Awang Tengah Halim



Awang Yahya Budin

Pameran Senilukis dan Pertukangan Tangan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran akan mengadakan Pameran Senilukis dan Pertukangan Tangan bagi Sekolah2 Rendah Melayu dan Sekolah Persediaan Inggeris, kali ke-16.

Pameran ini ada-lah terbuka kepada semua murid2 Sekolah Rendah Melayu, Sekolah2 Persediaan Inggeris, Misi dan China seluruh negeri Brunei.

Jabatan Pelajaran telah melantik beberapa orang Guru2 Besar di-tiap2 daerah untuk menjadi Pengerusi atau Pengelola Pameran Senilukis dan Pertukangan Tangan bagi tahun 1982. Guru2 Besar tersebut ia-lah: Guru Besar, Sekolah Rendah Haji Tarif bagi Sekolah2 Rendah Melayu dan Sekolah Persediaan Inggeris Brunei I, Guru Besar, Sekolah Melayu DMW, Lambak, bagi Sekolah2 Rendah Melayu dan Persediaan Inggeris Brunei III.

KUMPOLAN

Di-Daerah Tutong pula ia-lah Guru Besar, Sekolah Melayu Sinait bagi Sekolah2 Rendah Melayu Tutong I dan Sekolah Persediaan Inggeris Daerah Tutong. Dan Guru Besar, Sekolah Melayu Tumpuan Telisai bagi Sekolah2 Rendah Melayu Tutong dan Persediaan Inggeris Tutong II.

Bagi Daerah Belait dan Temburong ia-lah Guru Besar, Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, bagi Sekolah2 Rendah Melayu dan Persediaan Inggeris Belait dan Guru Besar, Sekolah Melayu Negalang bagi Sekolah2 Rendah Melayu dan Sekolah2 Persediaan Inggeris Temburong.

Pameran yang akan di-adakan ini terbahagi kepada enam

kumpulan ia-itu tiga kumpulan untuk Sekolah2 Melayu, ia-itu kumpulan "A" berumur 6 hingga 7 tahun, kumpulan "B" 8 hingga 9 tahun dan kumpulan "C" berumur 10 hingga 12 tahun ka-atas.

Dan tiga kumpulan pula bagi Sekolah2 Persediaan Inggeris, ia-itu, kumpulan "A" bagi persediaan I, kumpulan "B" bagi persediaan II dan kumpulan "C" bagi persediaan III.

Antara jenis2 lukisan dan pertukangan tangan yang akan di-pamerkan dari Perengkat Daerah ka-Perengkat Negeri itu nanti ia-lah lukisan alam benda, lukisan alam semula jadi, lukisan gubahan fikiran, lukisan poster, archa, anyam2-an, lukisan tebakan dan tulisan bebas.

Pengerusi2 pameran ada-lah di-kehendaki menyediakan 50 keping atau buah lukisan termasuk pertukangan tangan untuk di-pamerkan di-perengkat negeri. Dan ada-lah di-ingatkan bahawa karya2 yang akan di-pamerkan itu nanti belum pernah di-pamerkan di-tahun2 yang lalu. Segala lukisan dan pertukangan tangan hendak-lah daya usaha dan perbuatan2 murid2 itu sendiri dengan berukoran tidak lebih daripada 16" x 12" bagi lukisan dan 16" x 18" bagi pertukangan tangan.

MENGIKUTI BERBAGAI KURSUS

BERAKAS. — Dua orang pegawai Polis, Awang Colin Chong Choo Kee dan Pengiran Annuar bin Pg. Haji Rajid telah berlepas ka-London baru2 ini bagi mengikuti kursus 20 minggu mengenai tugas2 am Polis bertempat di-Sekolah Latehan Polis Metropolitan di-Hendon.

Juga mengikuti kursus di-London ketika ini ia-lah tiga orang anggota dari pasukan tersebut, Awang Salih bin Luwis, Awang Mohd. Tahir bin Mohd. Salleh dan Awang Abd. Rahman bin Kadir, yang menjalani kursus Instrumentation (Muzik) selama sa-tahun di-Sekolah Muzik Tentera Diraja, Kneller Hall di-Middlesex.

Manakala bertolak ka-Kuala Lumpur hari Sabtu lalu untuk mengikuti latehan dalam penempatan sambil bekerja selama lebeh kurang tiga bulan di-Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia di-Kuala Lumpur, ia-lah Awg Md. Ali bin Hj. Abd. Razak, Pegawai Bahasa. Beliau akan di-tempatkan di-Bahagian Yunit Pengeluaran. Ketua Penyunting Awang Md. Shahri bin POKJL Awang Haji Md. Hussin di-tempatkan di-Bahagian Penerbitan Umum dan Pengarang Kanan Awang Haji Muslim bin Haji Burut di-

tempatkan di-Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera dan Bahagian Penerbitan Buku Kanak-kanak.

Sementara itu, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani akan meninggalkan negeri ini menuju ka-Kuala Lumpur pada 30hb. Januari ini, untuk mengikuti latehan dalam perkhidmatan di-bidang Pengurusan Pentadbiran dan kakitangan

selama sa-bulan di-Institusi Pentadbiran Awam Negara Malaysia (INTAN) di-Kuala Lumpur.

Pengiran Badaruddin akan memulakan kursus tersebut pada 2hb. Februari ini, berserta dengan beberapa orang pegawai2 tinggi dari Kerajaan Malaysia dan dari beberapa buah negara di-rantau ini. Ini ada-lah kali pertama peserta Brunei di-terima menghadiri kursus di-institusi tersebut.

Berkursus di-Singapura

BERAKAS. — Dua orang pegawai Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei, 139 Lt. Abd. Kadir bin Haji Metali dari Kompeni RHQ dan 144 Lt. Othman bin Salleh dari Pusat Latehan telah bertolak ka-Singapura baru2 ini untuk menjalani kursus Asas Kerah-

an Tenaga di-Sekolah Manpower Management, Kem Seletar Timur di-republik itu.

Kursus tersebut yang berjalan sa-lama lima minggu akan berakhir pada 26hb. Februari akan datang.



Lt. Othman Salleh



Lt. Abdul Kadir

Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan dan Kuala Belait. Ada-lah di-ingatkan kepada orang ramai bahawa harga2 barang yang berikut di-bawah ini bermula dari minggu 14hb Januari 1982.

BANDAR SERI BEGAWAN

1. UBI KENTANG — 90 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
Ming Thai Company
No. 32, Jalan Sultan.
2. LADA KERING — \$3.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
Kim Seng Choon
No. 91, Jalan Chevalier.
3. BAWANG PUTEH — \$3.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
Kim Seng Choon
No. 91, Jalan Chevalier.
Chop Chee Guan
No. 4, Jalan McArthur.
4. KACHANG KUDA — \$1.30 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
Ming Thai Company
No. 32, Jalan Sultan.

KUALA BELAIT

1. UBI KENTANG — \$1.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —

Kob Kit Hin
No. 28, Jalan Pretty.
Koh Kee
No. 60, Jalan Pretty.

2. LADA KERING — \$3.20 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
Ng Ming Hong
No. E, Chinese Chamber of Commerce.

3. BAWANG PUTEH — \$3.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
Chion Kee
No. 1A, Jalan Pretty.
Yick Yuen
No. 3 Jalan Pretty.
Ng Ming Hong
No. 101, Jalan McKerron.

4. KACHANG KUDA — \$1.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
Chion Kee
No. 1A, Jalan Pretty.



**JANGAN MEMBAZIR
TENAGA
LETRIK**

Peraduan Bahas

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bahagian Kesenian dan Muzik, Jabatan Pelajaran akan menganjorkan peraduan bahas dalam bahasa Melayu bagi sekolah2 persediaan Inggeris termasuk sekolah2 misi dan China seluruh negeri Brunei.

Peraduan ini terbahagi ka-

pada dua bahagian ia-itu bahagian lelaki dan perempuan. Sekolah2 yang ingin ikut serta dalam peraduan ini boleh-lah menerima butir2 lanjut dan borang2 penyertaan di-Bahagian Kesenian dan Muzik Jabatan Pelajaran, Bandar Seri Begawan. Dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 23hb Januari ini.



MUTU PERMAINAN S—TAKRAW MENINGKAT

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Penglibatan negara kita dalam bidang sokan antarabangsa seperti *Sokan Sea* sedikit sebanyak dapat memperkenalkan negara kita ka-mata dunia meskipun mutu dan pencapaian kita masih jauh jika di-bandingkan dengan negara2 peserta lain.

Tetapi dalam *Sokan Sea* yang baru lalu, skuad sepak takraw negara ini telah mendapat perhatian yang serius dan pujian yang tinggi atas performance mereka di-kejohanan itu dan telah menarik minat dari negara2 Malaysia, Singapura, Indonesia dan Thailand untuk mengikuti perkembangan dan kemajuan permainan sepak takraw di-negeri ini.

Perkara ini telah dijelaskan oleh Pengurus Pasokan Sepak Takraw, ka-kejohanan itu, Pengiran Metassan bin Pg. Bakar ketika di-temui oleh pihak Pelita baru2 ini.

LEBEH BAIK

"Performance, kelancon dan mutu permainan sepak takraw Brunei di-kejohanan itu di-anggap begitu meningkat tinggi dan memuaskan sekali daripada yang sudah2. Dari keputusan2 perlawanan ia-nya ada-lah lebih baik dari Sokan SEA ke-19 di-Kuala Lumpur pada tahun 1977," jelas beliau.

Apa yang mengagumkan negara2 lain ia-lah pencapaian mutu permainan negara kita begitu tinggi dalam jangka masa yang begitu singkat. Dalam kejohanan di-Manila itu skuad negara telah dapat memberikan tentangan hebat kepada Pasokan Malaysia (pemenang pingat emas), dan telah menewaskan pasokan Indonesia. Indonesia telah menumpaskan Brunei dalam pertandingan Sepak Takraw Asia Pertama 80 tahun lepas.

"Di-atas perhatian negara2 lain seperti Malaysia dan Indonesia ka-atas mutu permainan sepak takraw kita itu haruslah kita berikan sepenoh-nya kepada pemain skuad ini yang telah bertungkus lumus bermain dengan gigih," ujar beliau sa-lanjut-nya.

Dan yang penting, tambah beliau ka-atas kejayaan itu ia-lah sa-mata2 kerana disiplin pemain2 yang kuat ketika menjalani latihan2 dan ketika berada di-luar negeri.

SISTEMATIK

Bertolak dari sini, pasokan sepak takraw negeri Brunei akan terus mengadakan latihan2 yang intensif dan sistematik dan target yang utama pasokan ini, jelas beliau ia-lah untuk menyertai Sokan SEA ke-20 di-Singapura.

Latihan2 itu nanti, tambah-nya akan diadakan dari sekarang yang bermakna skuad itu nanti akan menjalani latihan selama lebih kurang satu tahun khusus untuk kejohanan itu nanti.

Ketika di-sentuh tentang mendapatkan khidmat jurulatih luar negeri,

beliau menjelaskan bahawa besar kemungkinan skuad kebangsaan sepak takraw itu akan mendapatkan tunjuk ajar dari jurulatih yang akan di-datangkan dari Singapura.

BAKAT2 MUDA

Kapada pemain2 sepak takraw di-negeri ini, beliau mengingatkan bahawa peluang untuk mewakili negara masih terbuka dan pehak-nya masih lagi mencari bakat2 baru yang dapat menerajui pasokan itu nanti dan kapada bakat2 muda mereka akan di-gandingkan dengan pemain2 yang sudah ada yang mana, tambah beliau pemain2 masa kini akan di-tambah bilangan-nya agar pemilihan untuk mewakili negara akan dapat di-atorkan dengan lincih.

"Dalam pada itu saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan menghargai kerjasama dari Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan atas kemudahan2 yang di-berikan serta alat2 sokan yang lain semasa skuad ini menjalani latihan2 mereka," kata-nya.



Pg. Metassan

Perlawanan awal Piala Malaysia

JALAN BERAKAS. — Brunei membuka tirai perlawanan musim bolasepak Piala Malaysia dengan perlawanan2 dalam negeri menentang Melaka pada 8hb. Januari dan Johor pada 10hb. Januari. Kedua-dua perlawanan telah berlangsung di-Padang Kompleks Sokan JKR.

Pada perlawanan pertama dengan Melaka yang telah di-adakan di-padang yang bechak, kedua-dua pasokan tidak dapat memperlihatkan skill dan permainan yang baik. Namun Brunei telah dapat melancarkan serangan2 pada awal2 permainan.

GOL PERTAMA

Kira2 lima belas minit permainan sa-paroh masa pertama berakhir, Melaka memperbaiki chorak permainan mereka dan di-minit ke-44 menjangkau gol pertama melalui Hashim Marman sa-telah

menerima hantaran tendangan bebas G.Toraira-ju.

Dalam masa lima minit sa-paroh masa kedua, dalam satu pergelutan di-depan pintu gol Brunei, Melaka telah menghasilkan gol kedua-nya yang juga di-jaringkan oleh Hashim Marman. Tetapi beberapa minit kemudian Brunei mem-balas melalui Ak. Zamani, dan sa-lepas itu Brunei terus melancarkan serangan2, tapi nasib tidak menyebelahi sa-hingga wisel di-tiupkan.

Ketika menemui Johor, Brunei lebih banyak melancarkan serangan melalui gerakan2 dari Shahri Timbang, Zainuddin Kassim dan Roslan Hj. Suhaili tapi tidak menemui sasaran.

Gol pertama Brunei telah di-buat dalam sa-paroh masa kedua hasil dari perhubungan mid-fielder Brunei, Shahri

Timbang yang gagal di-tangkap dengan baik oleh penjaga gol Johor dan terus di-rembat masuk oleh Majidi Ghani.

MENYAMAKAN

Johor menyamakan kedudukan kira2 lima belas minit kemudian melalui tendangan chantek oleh pemain gantian Lahad Dadok, dan gagal di-selamatkan oleh Ali Hj. Ismail.

Brunai telah memulakan perlawanan luar negeri dengan menemui penyangand gelaran, Selangor di-Stadium Merdeka pada hari Jumaat, 15hb. Januari dengan keputusan 0 — 6 dan menentang pasokan Pulau Pinang di-Stadium Bandaraya pada 17hb. Januari lepas.

Perlawanan Brunei dalam negeri sa-lanjut-nya ia-lah menemui Kelantan pada 7hb. Februari di-Kompleks Sokan JKR.

Lawatan Muhibbah

JALAN MUARA. — Sarombongan 35 orang ahli Persatuan Kampong Pohon Batu (POBA). Labuan telah mengadakan lawatan muhibbah selama empat hari ka-negeri ini pada minggu lalu.

Rombongan yang di-ketuai oleh Awang Saji bin Nanoto telah menjadi tetamu kepada Persatuan Kampong Tanah Jambu (PITA).

Lawatan yang julong2 kali di-adakan itu, menurut Yang Dipertua PITA, Awang Haji Nordin bin Dato Panglima Haji Taha telah di-penohi

dengan berbagai-bagai chara yang termasuk lawatan ka-beberapa tempat yang menarik di-negeri ini seperti Masjid Omar Ali Saifuddin, Muzium Brunei di-Jalan Kota Batu dan Bangunan Peringatan Churchill.

Dalam acara sokan pula, mereka telah mengadakan perlawanan bolasepak sa-chara persahabatan dengan pasokan tuan rumah. Dalam perlawanan tersebut, pasokan pelawat telah mengalami kekalahan ia-itu dengan jaringan 1—4.

Sa-belum mereka meninggalkan negeri ini satu majlis perpisahan telah diadakan di-rumah Persatuan PITA. Dalam majlis itu kedua2 persatuan telah bertukar chenderamata sa-bagai kenang2an lawatan tersebut.

Ada-lah di-fahamkan yang tujuan lawatan mereka ka-negeri ini di-samping untuk mengeratkan lagi perhubungan tali silaturahmi di-antara persatuan2 dalam negeri ini juga bertujuan melihat kemajuan dan perkembangan yang telah di-chapai oleh negeri Brunei ini.



Bergambar ramai sa-belum memulakan perlawanan bolasepak sa-chara persahabatan



Kegembiraan pemain2 Brunei sa-telah tendangan Shahri Timbang menembusi pintu gol Johor.



Salah satu dari beberapa serangan2 yang di-lancarkan oleh pemain2 Brunei.

JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI-JABATAN KERJA RAYA, BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan Negeri Brunei untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Kerja Raya, Brunei.

1. PENOLONG PENJALAN TRACTOR BERAT:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Mempunyai pengalaman sekurang2-nya 2 tahun sa-bagai printis dalam pengendalian tractor berat seperti mengendalikn tractor beroda yang mana sekurang2-nya 2 tahun dalam tempoh itu hendak-lah

dengan mesin 4x4 yang melebehi 100 H.P. yang menggunakan kelengkapan ladang yang berat, dozer blades dan rotary ditch cutter.

Tangga Gaji:

F.3-4 EB.5—\$430-440-450-460-470-490-500-510-520/EB/530-540-560. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

2. PEMANDU LORI:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Sekurang2-nya mempunyai 2 tahun rekod berseh memandu kenderaan Kelas 3 dan ke-utamaan akan di-berikan kepada pemegang lesen Kelas 2 yang berseh.

Tangga Gaji:

F.3-4-5 EB.6—\$430-440-450-460-470-490-500-510-520-530-540-560/EB/570-580-590-600-610-620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

3. PEMANDU KENDERAAN:

Kelayakan2 dan Pengalaman: Sekurang2-nya mempunyai 2 tahun rekod berseh memandu kenderaan kelas 3 dan keutamaan akan di-berikan kepada pemohon2 yang juga mempunyai lesen Kelas 3 dan 4.

Tangga Gaji:

F.3-4 EB.5—\$430-440-450-460-470-490-500-510-520/EB/530-540-560. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2

dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan besama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 13hb Februari, 1982.

(E/1340/80)

(Bil: 5/1982)

TENDER NOTICE

GOVERNMENT OF THE STATE OF BRUNEI PUBLIC WORKS DEPARTMENT KUALA BELAIT WATER SUPPLY—STAGE 3 CONTRACT No. SFJ 1 SITE INVESTIGATION

TENDERS are invited from experienced Site Investigation Contractors for sub-surface Site Investigation work on the route for a 28 in diameter 7 miles long above-ground steel pipeline between Badas Raw Water Pumping Station and the Seria Water Treatment Works. The work comprises about 40 No. dynamic (Mac-kintosh) Probes and 12 No. boreholes by cable percussion method, including sampling, logging of cores, insitu and laboratory testing of soils and ground water samples and test pumping.

Tender documents are obtainable from the Consulting Engineers at the following office:
Watson Hawksley Asia

40 Hongkong Bank Chambers
Bandar Seri Begawan
Brunei
Tel: 25398/20356.

Applications for documents must be accompanied by a Tender Deposit in the form of a crossed cheque or banker's draft for B\$500.00 payable to the Government of Brunei. The Deposit will be refunded to every tenderer who submits a bona-fide but unsuccessful tender, but not to the successful tenderer. The Government is not bound to accept the lowest or any tender that may be received.

Tenders are to be submitted to the Chairman of the Tenders Board not later than 12.00 noon on Monday 15th February 1982.

PUBLIC WORKS DEPT. TENDER NOTICES

No. 1 OF 1982

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 26th January, 1982 for:—
REPAIRS AND FULL REDECORATION OF 10-DOOR BARRACK BLOCK 'C' AT JALAN ISTANA DARUL HANA, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents may be seen and all particulars obtained at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 2 OF 1982

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 26th January, 1982 for:—
THE SUPPLY AND DELIVERY OF CRUSHER-STONES TO THE JALAN MUNGKOM, OFF MILE 25, JALAN LAMUNIN TUTONG DISTRICT.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Brunei Shell Petroleum Co. Ltd.

INVITATION TO TENDER

BRUNEI SHELL PETROLEUM COMPANY LIMITED invites tenders from B.S.P. approved contractors for

1. TENDER No. EPS/000155/81
CATEGORIES 4, 9 & 32
Relocation of 10" Government Water Line and 6" Government Sludge Line at Lorong Dua Timor between Jalan Tengah and Jalan Selatan Satu.
2. TENDER No. EPS/000307/82
CATEGORIES 2 & 10
Spreading of Preload Sand Piles at the new Refinery Construction Yard.
3. TENDER No. EPS/000153/81
CATEGORIES 9 & 32
Fabrication and installation of two pipe crossings of the Jalan Tengah road between the new Refinery and the existing BSP Terminal.
4. TENDER No. EPS/000140/82
CATEGORIES 9 & 32
Relocation of 8" O-650 Gasline Pipe between Location E9/E10 at Lorong 13 Barat, Jalan Utara.
5. TENDER No. LAD/000303/82
CATEGORY 15
Provision of materials handling services in the Supplies Department, Warehouses and yards at Lumut.
6. TENDER No. PML/000309/82
CATEGORY 28
Washing and cleaning of Company lavatories in Seria dan Kuala Belait.

For further information please refer to Tender Notices on B.S.P. Tender Notice Boards.

Sa-bagai Kerani Akaun Pendapatan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan Negeri Brunei bagi mengisikan kerja kosong seperti berikut.

KERANI AKAUN PENDAPATAN

Tugas2:

Membuat kod dan menyedaiakan semua kertas kerja bahagian penunpang untuk kertas penjualan, invois di-terima, tiket2 yang di-pakai dan tiket2 yang di-pulangkan bagi kegunaan komputer.

Kelayakan2:

- a) Mempunyai kelulusan sekurang2-nya tingkatan 5 peringkat 'O' dan lulus dalam mata2 pelajaran Ilmu Alam dan Ilmu Hisab.
 - b) Boleh membacah, bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.
- Permohonan2 melalui surat memberikan butir2 keterangan pemohon mesti-lah di-kirim kepada:
- Penolong Pengurus
Kakitangan
Penerbangan Diraja Brunei
Peti Surat 737
Bandar Seri Begawan
di-dalam Bahasa Inggeris tidak lewat dari 26hb Januari 1982.

ELECTRICAL DEPT. TENDER NOTICE

TENDER No. 3/1982

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from the Registered Electrical Wiring Contractors, Class "A" and "B" up to 12.00 noon on Tuesday, 17th February, 1982 for the following:—

ELECTRICAL INSTALLATION FOR ENGINEERING COMPLEX AT KUALA BELAIT HOSPITAL KUALA BELAIT

Tender documents may be obtained from the office of the

Director of Electrical Services, Bandar Seri Begawan, Brunei.

The tender documents to be placed in a plain envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked:—

"TENDER FOR THE ELECTRICAL INSTALLATION FOR ENGINEERING COMPLEX AT KUALA BELAIT HOSPITAL, KUALA BELAIT."
